Jurnal
PENYELIDIKAN
PENDIDIKAN

Kandungan

PERSEPSI PENSYARAH TERHADAP PENERAPAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI MENERUSI KOKURIKULUM DI POLITEKNIK.

AHMAD BIN ESA
PROF. MADYA DR. JAILANI BIN MOHD. YUNUS
PROF. MADYA DR. NORAINI BINTI KAPRAWI

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

Abstrak:

Tujuan kajian dijalankan ialah untuk meninjau persepsi pensyarah terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjau sampel yang melibatkan 291 orang pensyarah kokurikulum politeknik dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan para responden memberi maklum balas positif terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik. Didapati juga, secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di kalangan responden berlainan jantina dan jenis kokurikulum terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan responden berlainan jenis kokurikulum terhadap penerapan beberapa kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum. Kemahiran tersebut ialah menyampaikan maklumat dengan tepat, mentafsir lambang dan simbol dengan betul. Kajian ini menunjukkan bahawa kokurikulum dapat membantu membina kemahiran komunikasi di kalangan pelajar politeknik-politeknik di Malaysia.

1.0   Pendahuluan

Menurut Briggs dan Hodgson (2000) , antara kelemahan graduan kejuruteraan ialah dalam kemahiran komunikasi. Media massa tempatan turut melaporkan bahawa graduan sekarang kurang menguasai kemahiran komunikasi (Berita Harian, 17 September 2004; Berita Harian, 29 April 2004; News Straits Times, 20 Ogos 2003; The Star, 30 Jun 2003; The Star 8 Julai 2003 dan The Star 6 ogos 2003).

Situasi tersebut merupakan fenomena yang tidak sepatutnya terjadi kerana bertentangan dengan kehendak pasaran kerja. Antara kemahiran yang diperlukan oleh para majikan ialah kemahiran komunikasi seperti yang ditegaskan oleh Hishamuddin Mohd (2003), Zaiton Mohd. Hassan (2003), Ungku Harun Al'Rasyid Ahmad (2003) dan Hawke (2003).

Masalah tersebut dapat di atasi menerusi penglibatan pelajar menerusi kokurikulum. Shamsaadal Sholeh Saad (2004), Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2004) dan Hishamuddin Mohd (2003) menyatakan, pelajar pusat pengajian tinggi perlu terlibat dalam aktiviti kokurikulum untuk membina kemahiran komunikasi. Tambahan pula

kokurikulum dikatakan sebagai pelengkap kepada kurikulum dan dapat membantu potensi pembangunan diri individu seperti yang dijelaskan oleh Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Smigel dan Merrit (1999) ,Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984).

Contohnya**,** Smigel dan Merrit (1999) berpendapat menerusi kegiatan drama kemahiran komunikasi dapat ditingkatkan manakala Upward (1989) menyatakan aktiviti perniagaan menerusi kokurikulum yang dijalankan oleh pelajar dapat meningkatkan kemahiran komunikasi daripada segi kemahiran bahasa (penulisan surat, mengisi borang, menaip, perbincangan lisan dan pengucapan awam) dan kemahiran teknikal (menggunakan telefon, komputer, internet, faks, kamera, video dan mesin grafik).

Berdasarkan pandangan - pandangan yang dikemukakan, dapatlah diandaikan bahawa kemahiran komunikasi dapat dipelajari menerusi kokurikulum yang dijalankan di sesebuah institusi pendidikan seperti politeknik. Oleh itu, satu penyelidikan perlu dijalankan untuk meninjau persepsi para pensyarah kokurikulum di politeknik sendiri dalam konteks menerapkan kemahiran komunikasi kepada pelajar mereka menerusi kokurikulum.

2.0   Objektif

Objektif kajian ini ialah untuk meninjau persepsi pensyarah kokurikulum politeknik terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Objektif kajian kedua adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik di antara beberapa pemboleh ubah iaitu berlainan jantina dan berlainan jenis kokurikulum (Polibriged, persatuan dan kelab, unit beruniform dan sukan dan permainan).

3.0   Metod Kajian

Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif yang meninjau persepsi pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum. Populasi kajian ini ialah semua pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia pada tahun 2004. Berdasarkan data yang dikumpul daripada setiap Pusat Kokurikulum dan Sukan, politeknik-politeknik di Malaysia, terdapat 784 orang pensyarah yang mengajar kokurikulum di politeknik seluruh Malaysia pada tahun tersebut. Berdasarkan Jadual Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejeie dan Morgan (1970), bagi saiz populasi tersebut, saiz minimum sampel yang diperlukan ialah 260 orang pensyarah kokurikulum. Teknik persampelan kelompok digunakan untuk memilih sampel kajian. Melalui teknik persampelan ini, sampel dikelompokkan mengikut politeknik. Sebanyak enam buah politeknik telah dipilih secara rawak mudah. Semua pensyarah daripada enam buah politeknik yang dipilih telah dijadikan sampel kajian iaitu melibatkan 291 orang pensyarah kokurikulum. Jumlah ini melebihi jumlah saiz sampel yang disarankan oleh Krejeie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian ialah soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan konsep dan pandangan yang dikemukakan oleh Callan (2003), Dawe (2002), Kearns (2001), Ab. Alim Abdul Rahim (1999), De Leon dan Borchers (1998), Jackson (1997), Stoner dan Wankel (1997), Velde (1997), Omardin Ashaari (1996), Cascio (1995), Raggat (1995), Al Ramaiah (1992), Mustafa Daud (1994a), Mustafa Daud (1994b) dan Upward (1989).   Soal selidik tersebut mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat responden dan Bahagian B mengandungi item untuk mengukur persepsi responden terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum. Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan. Perincian skala tersebut seperti dalam Jadual 1.

Sebelum soal selidik tersebut digunakan dalam kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan. Menerusi kajian rintis, soal selidik telah dirujuk kepada panel pakar yang terdiri daripada pensyarah politeknik yang mengajar kokurikulum, Pegawai Sukan Dan Kokurikulum dan pensyarah dalam bidang pengurusan di KUiTTHO. Maklum balas daripada mereka telah dijadikan sumber rujukan untuk mengubah suai semula item-item yang digubal. Selain daripada itu, ujian kebolehpercayaan terhadap item-item yang dibina juga telah dijalankan. Hasil daripada ujian kebolehpercayaan, *Realiability Analysis – Scale Alpa* yang menggunakan program SPSS (versi 11.5) telah menunjukkan nilai alfa kemahiran komunikasi keseluruhan adalah melebihi nilai alfa 0.6. Nilai korelasi antara item pula mempunyai nilai yang melebihi 0.04. Oleh itu adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Jadual 2 menunjukkan nilai alfa dan korelasi antara item bagi setiap item yang dibina di dalam soal selidik.

Pengumpulan data dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan pensyarah-pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik yang terlibat. Masa yang diambil untuk mengisi borang soal selidik ialah lebih kurang 20 minit dan kesemua pensyarah politekik yang terlibat dalam mengisi borang soal selidik telah mengembalikan terus borang tersebut kepada penyelidik.

Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan min dan sisihan piawai manakala statistik inferens digunakan untuk menganalisis perbezaan antara pemboleh ubah bagi memenuhi objektif yang ditetapkan. Tafsiran statistik min yang digunakan diubah suai daripada Lendal (1997) iaitu nilai min 1.0 hingga 2.3 = tidak bersetuju, 2.4 hingga 3.7 = kurang bersetuju dan 3.8 hingga 5 = bersetuju) manakala nilai alfa 0.05 diputuskan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan atau terdapat perbezaan yang signifikan antara pemboleh ubah.

Di samping itu, bagi tujuan memantapkan hasil dapatan kajian, penyelidik telah menggunakan instrumen temu bual untuk mendapatkan pandangan daripada pensyarah kokurikulum berkaitan dengan penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Seramai 5 orang pensyarah kokurikulum telah ditemu bual oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan.

4.0   Penemuan

Daripada 291 orang responden, 144 (49.5%) ialah responden lelaki dan 143 (49.1%) ialah responden perempuan manakala 4 (1.4%) tidak menyatakan jantina. Sebanyak 29.6% daripada Politeknik A, 12.0% daripada Politeknik B, 14.1% daripada

Politeknik C, 16.5% Politeknik D, 11.7% Politeknik E dan 16.2 daripada Politeknik F. Sebanyak 107 (36.8%) mempunyai kelulusan di peringkat sijil/diploma dan 179 (61.5%) di peringkat Ijazah Sarjanamuda/Sarjana/Doktor Falsafah manakala (1.7%) tidak menyatakan peringkat pengajian dalam borang soal selidik. Daripada segi jenis kokurikulum yang diajar pula, 99 (34.0%) mengajar Polibriged, 80 (27.8%) mengajar persatuan dan kelab, 31 (10.7%) mengajar unit beruniform dan 72 (25.1%) mengajar sukan dan permainan manakala 2.4% tidak menyatakan jenis kokurikulum yang diajar. Dalam konteks jabatan pula, 49 (16.8%) pensyarah dari Jabatan Awam, 60 (20.6%) pensyarah dari Jabatan Elektrik, 73 (25.1%) pensyarah dari Jabatan Perdagangan, 63 (21.6%) pensyarah dari Jabatan Lain-Lain (Hospitaliti dan Reka Bentuk) manakala 3 (1.0%) pensyarah tidak memberi maklum balas berkaitan dengan jabatan tempat mereka bertugas.

Jadual 3 menunjukkan bahawa pensyarah kokurikulum politeknik memberi maklum balas persepsi positif bahawa kemahiran komunikasi telah diterapkan semasa mereka mengajar kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Kebanyakan item mempunyai nilai min melebihi 3.80 yang menunjukkan para responden bersetuju bahawa mereka telah menerapkan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum. Antara kemahiran komunikasi yang menunjukkan maklum balas persepsi yang tinggi mengikut hierarki ialah memberi arahan dengan jelas (min = 4.32, sp = 0.625), menyampaikan maklumat dengan tepat (min = 4.30, sp = 0.613), memahami arahan dengan baik (min = 4,28, sp = 0.644), lisan bahasa Melayu (min = 4.27, sp = 0.679) dan mendengar dengan baik (min = 4.26, sp = 0.649). Walau bagaimanapun responden memberi persepsi sederhana iaitu kurang bersetuju terhadap penerapan dua kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia iaitu lisan bahasa Inggeris (min = 3.53, sp = 0.944) dan penulisan bahasa Inggeris (min = 3.46, sp = 0.980).

Jadual 4 pula menunjukkan hasil Ujian T bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kemahiran komunikasi diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia di antara responden berlainan jantina. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden berlainan jantina terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia.

Jadual 5 menunjukkan hasil Ujian ANOVA bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap kemahiran komunikasi diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia di antara responden berlainan jenis kokurikulum. Hasil ujian tersebut menunjukkan, secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden yang mengajar berlainan jenis kokurikulum terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat tiga item yang mempunyai perbezaan. Item-item tersebut berkaitan dengan menyampaikan maklumat dengan tepat (F=3.816, p<0.05), mentafsir lambang dengan betul (F=3.128, p<0.05) dan mentafsir simbol dengan betul (F=3.252, p < 0.05)

Ujian Tukey [a,b] (Jadual 6), digunakan untuk menentukan kumpulan yang mempunyai perbezaan kemahiran komunikasi. Daripada ujian tersebut, bagi kemahiran menyampaikan maklumat dengan tepat, dua sub kumpulan dapat diwujudkan iaitu pertama kumpulan Polibriged, kumpulan persatuan dan kelab dan kumpulan sukan dan permainan dan kedua, kumpulan sukan dan permainan dan unit beruniform. Didapati

kumpulan unit beruniform lebih menerapkan kemahiran menyampaikan maklumat dengan tepat menerusi kokurikulum berbanding kumpulan polibriged dan kumpulan persatuan dan kelab.

Bagi kemahiran mentafsir lambang dengan betul, dua sub kumpulan juga telah dikenal pasti iaitu kumpulan yang terdiri daripada kumpulan persatuan dan kelab, kumpulan sukan dan permainan dan kumpulan Polibriged. Sub kumpulan yang kedua hanya dianggotai oleh kumpulan unit beruniform. Di dapati kumpulan, unit beruniform lebih menerapkan kemahiran mentafsir lambang dengan betul menerusi kokurikulum berbanding kumpulan persatuan dan kelab, polibriged dan kumpulan sukan dan permainan.

Begitu juga bagi kemahiran mentafsir simbol dengan betul, dua sub kumpulan dapat diwujudkan iaitu kumpulan yang terdiri daripada kumpulan persatuan dan kelab, kumpulan sukan dan permainan dan kumpulan Polibriged. Sub kumpulan yang kedua hanya dianggotai oleh kumpulan unit beruniform. Di dapati kumpulan, unit beruniform lebih menerapkan kemahiran mentafsir simbol dengan betul menerusi kokurikulum berbanding kumpulan persatuan dan kelab, polibriged dan kumpulan sukan dan permainan.

5.0   Perbincangan Dan Penutup

Daripada data yang dikemukakan adalah jelas menunjukkan bahawa pensyarah kokurikulum di politeknik-politeknik di Malaysia memberi maklum balas persepsi yang positif terhadap penerapan kemahiran komunikasi menerusi kokurikulum. Dapatan ini menyokong beberapa pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang yakin bahawa kokurikulum boleh melatih pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran termasuk kemahiran komunikasi seperti yang dikemukakan oleh Walker (2003), Keystone Central School District (2002), Switzer (2002), National Academy Foundation (2001), Matthews (2000), Potrafka *et. al* (1997), California State University (1994), Adnan Kamis (1993), Yusoff Ismail (1993), Vasudevan T. Arosoo (1988), Michigan State University (1988) dan Teng Boon Tong (1984).

Di samping itu, maklum balas yang diterima daripada pensyarah kokurikulum menerusi temu bual juga menunjukkan kemahiran komunikasi telah diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Antara maklum balas yang diterima ialah,

"Ok..untuk subjek polibriged bahagian..apa..sahsiah dan apa..tingkah laku dan sahsiah ni..kita tekankan tentang apa..komunikasi dua hala..komunikasi dengan pensyarah..komunikasi dengan kawan..untuk memulakan hubungan..jangan ada rasa rendah diri..ok.semua tu pada saya ..mungkin dia tak belajar dalam waktu..waktu subjek electrical tapi dalam masa polibriged nilah dia nak curah pendapat dia."

(Pensyarah Politeknik A)

"Kemahiran komunikasi ..kalau pengakap tu mereka ada komunikasi daripada segi verbal ataupun kira non verbal ..kalau wataniah tu banyaklah nonverbal pun ada..contohnya macam letakkan isyarat-isyarat yang tiga..isyarat dua..mereka tahulah untuk koperal untuk sarjan.untuk ketua macam mana..untuk senyap macam mana..untuk musuh macam mana..jadi syarat-syarat mereka perlu tahulah..."

(Pensyarah Politeknik D)

Dengan demikian dapatlah dinyatakan bahawa kegiatan kokurikulum di seluruh politeknik di Malaysia dapat membina kemahiran komunikasi di kalangan pelajar yang mengikutinya dan kemahiran tersebut berpotensi membantu mereka apabila mereka bekerja kelak.

Bibliografi

Adnan Kamis (1993). "Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 260 – 267.

Ab. Alim Abdul Rahim (1999). "Pengurusan Kokurikulum." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1 -10.

Al. Ramaiah (1992). "Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini." Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. 243 – 271.

Berita Harian (2004). "Lemah Komunikasi Punca Lepasan Universiti Gagal Temu Duga." Berita Harian, 20 April 2004.

Berita Harian (2004). " Kemahiran Analitikal Beri Kelebihan." Berita Harian, 17 September 2004.

Briggs, H. dan Hodgson, P. (2000). "Generic Skills Development in Undergraduate Engineering Education in Australia." http://www.hi.is/~joner/eaps/cs_gene4.htm . Dicapai pada 13 Februari 2003.

California State University (1994). "University Policy Manual: Co-Curricular Courses." Sacramento: California State University.
http://www.csus.edu/acaf/univmanual/cocurcres.htm . Dicapai pada 22 Mac 2003.

Callan, V. J. (2003). "Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Students Attitudes." Adelaide: NCVER Ltd. 6 – 20.

Cascio, W. F. (1995). "Managing Human Resources." New York: McGraw-Hill, Inc. 192 – 224.

Dawe, S. (2002). "Focusing on Generic Skills in Training Packages. "Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 19 – 60.

De Leon, J. E. dan Borchers, R. E. (1998). "High School Employment Trends and the Skills Graduates Need to Enter Texas Manufacturing Industries." *Journal of Vocational and Technical Education*. Vol. 15. N. 1. M.s. 1 – 18.

Hawke, G (2003). "Generic Skills' in a Changing Work Environment." Dalam Gibb, J. (2003). "Generic Skills in Vocational Education and Training." Adelaide: NCVER Ltd. 19 -38.

Hishamuddin Mohd (2003). "Get Into The Business World." Kertas kerja di "National IPT, Industry and Career Symposium 2003."12-13 Julai 2003, di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan

Jackson, W. (1997). "Tracking the Development of Generic Skills: The Experience of 1987 and 1992 St. F. X. Graduates." St. Francis Xavier University. 1-3.

Kearns, P. (2001). "Generic Skills for the New Economy."Kensington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd. 41 -64.

Keystone Central School District (2002). "Philosophy of Co-Curricular Activities http://www.kcsd.k12.pa.us/guides/hs/cocurr.html . Dicapai pada 22 Mac, 2003.

Krejeie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement. 207 -210.

Lendal, K (1997)."Management by Menu." London: Wiley and Son Inco..

Matthews, B. (2000). "Co-Curricular Philosophy." Bunbury: Bunbury Cathedral Grammar School. http://www.begs.wa.edu.au/home/co_curricalar.htm . Dicapai pada 21 Mac 2003.

Michigan State Universiti (1988). "Opportunities for Renewal: The Report of the Cauncil to Review Undergraduate Education." Michigan: East Lansing. 42-50.

Mohamad Ismail bin Mohamad Yunus (2004). "Enhancing Student Character Building and Ethics Development Process Through Co-Curriculum Activities: IIUM Experience. Kertas Kerja International Conference on Student Development, 16 – 18 April 2004 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur. Tidak diterbitkan.

Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002). "Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam."Maran: Perniagaan Qomarul Roihan. 51-63

Mustafa Daud (1994a). "Pengurusan Islam." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 94-147.

Mustafa Daud (1994b). "Pekerjaan Dan Perusahaan Menurut Islam." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. 38-53.

National Academy Foundation (2001). "Co-Curricular Enhancements." USA: National Academy Foundation. http://nafnetwork.net/resources/NAFResourcesCenter/cocurricular. Dicapai pada 23 Mac 2003.

News Straits Times (2003). "Jobles Graduates Lack Critical Skills." 20 Ogos 2004.

Omardin Ashaari (1996). "Pengurusan Sekolah". Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distibutors Sdn. Bhd.. 124-149.

Potrafka, R. M. *et. al* (1997). "The World Wide Web, Student Organizations, and Co-Curricular Transcripts." University of Missouri- Rolla. 1-12.

Raggat, P. (1995). "Competencies, Attributes and Curriculum: The Australian Agenda." Dalam Burke, J. (1995). "Outcomes, Learning and the Curriculum."London: The Falmer Press. 307-322.

Rohanida Ab. Manaf dan Mohd. Sofian Omar Fauzee (2002). "Kepentingan Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Stoner, A.F. dan Wankel, C. (1997). "Management (Terjemahan)." Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn. Bhd. 2-27.

Shamsaadal Sholeh Saad (2004). "Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya." Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, 29-30 Mei 2004, di Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.

Smigiel, H. dan Merritt, L. (1999). "A New Approach to Communication Training in the Workplace." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol. 51. N.4. M.s 629-640.

Switzer, R. (2002). "Co-Curricular Program." Busselton: Georgiana Molloy Anglican School. http://www.gmas.wa.edu.au/co-curriculum.htm . Dicapai pada 22 Mac 2003.

Teng Bon Tong (1984). "Pendidikan Jasmani Di Sekolah Rendah (Edisi ke-2)." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-4.

The Star (2003). "Produce Grads Who Can Work, Says Fong." 30 Jun 2003.

The Star (2003). "Musa: Revamp in Engineering Syllabus Vital. " 8 Julai 2003

The Star (2003). "IT Grads Jobless Because They Lack Right Skills." 6 Ogos 2003.

Ungku Harun Al'Rasyid Ahmad (2003). "Preparation of Graduates in the Cyber World." Kertas kerja di "National IPT, Industry and Career Symposium 2003." 12-13 Julai 2003, di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan.

Upward, H. (1989). "Enterprise in Action." Dalam Warwick, D. (1989).

Vasudevan T. Arosoo (1988). "Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan Dan Pentadbiran." Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.1-8.

Velde, C. (1997). "Reporting the New Compotence Needs of Clerical-Administrative Workers: An Employer Perspective." *Journal of Vocational Education and Training*. Vol. 49. No. 1. M.s. 21-40.

Walker, V. N. (2002). "Office of Co-Curricular Life." Sweet Briar: Sweet Briar College**.** http://sbc.edu/cocurricular/about/ . Dicapai pada 20 Mac, 2003.

Yusoff Ismail (1993). "Peranan Pendidikan Jasmani Dalam KBSM." in Adnan Kamis (1993). "Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan Dan Maklum Balas. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 235-243.

Zaiton Mohd. Hassan (2003). "Developing Graduates for the Global Market." Kertas kerja di "National IPT, Industry and Career Symposium 2003." 12-13 Julai 2003 di Century Mahkota, Melaka. Tidak diterbitkan

Lampiran

Jadual 1 : Skala Likert

Skala	Tafsiran
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Kurang bersetuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Jadual 2 : Hasil analisis ujian *Realiability Analysis –Scale Alpa* dan Nilai Korelasi Antara Item

Kemahiran Komunikasi	Nilai alfa	Nilai Korelasi Antara Item
Lisan Bahasa Melayu	0.9126	0.5451
Lisan Bahasa Inggeris	0.9183	0.4398
Penulisan Bahasa Melayu	0.9129	0.5509
Penulisan Bahasa Inggeris	0.9152	0.5295
Mendengar dengan baik	0.9104	0.6268
Memberi arahan dengan jelas	0.9102	0.6369
Memahami arahan dengan baik	0.9103	0.6295
Menyampaikan maklumat dengan tepat	0.9095	0.6627
Memahami maklumat dengan baik	0.9084	0.6988
Mentafsir simbol dengan betul	0.9079	0.6968
Mentafsir lambang dengan betul	0.9076	0.7026
Mentafsir moto dengan betul	0.9065	0.7355
Mentafsir logo dengan betul	0.9060	0.7443
Mentafsir warna dengan betul	0.9080	0.6871
Mentafsir bahasa isyarat dengan betul	0.9111	0.6003
Kemahiran Komunikasi Keseluruhan	0.9158	

Jadual 3 : Kemahiran Komunikasi Yang Diterap Oleh Pensyarah Politeknik Menerusi Kokurikulum.

Kemahiran Komunikasi	Min	Sisihan Piawai
Lisan Bahasa Melayu	4.27	0.679
Lisan Bahasa Inggeris	3.53	0.944
Penulisan Bahasa Melayu	4.10	0.821
Penulisan Bahasa Inggeris	3.46	0.980
Mendengar dengan baik	4.26	0.649
Memberi arahan dengan jelas	4.32	0.625
Memahami arahan dengan baik	4.28	0.644
Menyampaikan maklumat dengan tepat	4.30	0.613
Memahami maklumat dengan baik	4.25	0.625
Mentafsir simbol dengan betul	3.91	0.721
Mentafsir lambang dengan betul	3.91	0.727
Mentafsir moto dengan betul	3.87	0.737
Mentafsir logo dengan betul	3.85	0.785
Mentafsir warna dengan betul	3.90	0.770
Mentafsir bahasa isyarat dengan betul	3.98	0.816
Kemahiran Komunikasi Keseluruhan	4.0129	0.50876

Jadual 4 : Perbezaan Kemahiran Komunikasi Yang Diterap Oleh Pensyarah Politeknik Menerusi Kokurikulum Berdasarkan Jantina

Kemahiran Komunikasi	T	Sig. (2 – tailed)
Lisan Bahasa Melayu	1.284	0.200
Lisan Bahasa Inggeris	-0.592	0.554
Penulisan Bahasa Melayu	1.432	0.153
Penulisan Bahasa Inggeris	-0.569	0.570
Mendengar dengan baik	-0.580	0.562
Memberi arahan dengan jelas	0.725	0.469
Memahami arahan dengan baik	1.253	0.211
Menyampaikan maklumat dengan tepat	1.416	0.158
Memahami maklumat dengan baik	0.591	0.555
Mentafsir simbol dengan betul	-0.813	0.417
Mentafsir lambang dengan betul	-0.568	0.571
Mentafsir moto dengan betul	-0.961	0.338
Mentafsir logo dengan betul	-0.763	0.446
Mentafsir warna dengan betul	-0.146	0.884
Mentafsir bahasa isyarat dengan betul	-0.867	0.386
Min Komunikasi Keseluruhan	-0.020	0,984

Jadual 5 : Perbezaan Kemahiran Komunikasi Yang Diterap Oleh Pensyarah Politeknik Menerusi Kokurikulum Berdasarkan Jenis Kokurikulum

Kemahiran Komunikasi	F	Signifikan
Lisan Bahasa Melayu	1.135	0.335
Lisan Bahasa Inggeris	1.778	0.152
Penulisan Bahasa Melayu	1.980	0.117
Penulisan Bahasa Inggeris	1.443	0.231
Mendengar dengan baik	2.542	0.057
Memberi arahan dengan jelas	0.868	0.458
Memahami arahan dengan baik	1.258	0.289
Menyampaikan maklumat dengan tepat	3.816	***0.010**
Memahami maklumat dengan baik	2.738	0.044
Mentafsir simbol dengan betul	3.128	***0.026**
Mentafsir lambang dengan betul	3.252	***0.022**
Mentafsir moto dengan betul	1.120	0.341
Mentafsir logo dengan betul	1.913	0.128
Mentafsir warna dengan betul	1.842	0.140
Mentafsir bahasa isyarat dengan betul	0.484	0.694
Min Komunikasi Keseluruhan	2.473	0.062

* Terdapat perbezaan yang signifikan.

Jadual 6: Ujian Tukey B [a,b] Bagi Menentukan Persepsi Kumpulan Yang Berbeza Terhadap Item-Item Kemahiran Komunikasi.

Item Kemahiran Komunikasi	Jenis Kokurikulum Pensyarah	N	Subset for alpha = 0.05	
			1	2
Menyampaikan maklumat dengan tepat	Polibriged	99	4.18	
	Persatuan dan kelab	81	4.25	
	Sukan dan permainan	73	4.40	4.40
	Unit beruniform	31		4.55
Mentafsir lambang dengan betul	Persatuan dan kelab	80	3.83	
	Sukan dan permainan	72	3.83	
	Polibriged	99	3.93	
	Unit beruniform	31		4,26
Mentafsir simbol dengan betul	Persatuan dan kelab	80	3.81	
	Sukan dan permainan	73	3.84	
	Polibriged	99	3.95	
	Unit beruniform	31		4.26

Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantukan Teknologi Maklmumat dan Komunikasi (ICT)

Azwan Ahmad (SMK Syed Alwi, Kangar, Perlis)
Abdul Ghani Abdullah (Universiti Sains Malaysia, P.P)
Mohammad Zohir Ahmad (Universiti Sains Malaysia, P.P)
Abd. Rahman Hj Abd. Aziz (Universiti Sains Malaysia, P.P)

ABSTRAK

Pusat Perkembangan Kurikulum (2004) melaporkan bahawa kebelakangan ini mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai kaku, membosankan dan tidak menarik. Masyarakat pula menganggap subjek ini tidak bernilai komersial. Antara punca fenomena ini ialah kelemahan guru dalam penguasaan pedagogi dan penggunaan ICT sebagai satu dimensi baru dalam pengajaran pembelajaran bagi mencorakkan kualiti budaya belajar yang lebih bermakna. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru dan tahap amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT. Di samping itu perhubungan antara efikasi kendiri guru dengan amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT turut dikaji. Selain itu kajian ini juga mengenal pasti kesan efikasi kendiri guru dengan amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT. Sampel kajian seramai sembilan puluh lima orang guru sejarah dipilih secara rawak daripada lima belas buah sekolah menengah kebangsaan harian di negeri Perlis Indera Kayangan. Data dikutip daripada responden dengan menggunakan soal selidik bersakal Likert serta dianalisis dengan menggunakan statistic deskriptif, korelasi Pearson dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru sejarah mempunyai tahap efikasi kendiri terhadap ICT yang sederhana tetapi tahap amalan pengajaran berbantukan ICT pula adalah rendah. Semnetar itu wujud hubungan yang sederhana kukuh antara efikasi kendiri guru terhadap ICT dengan amalan pengajaran berbantukan ICT. Keputuasn regresi berganda pula menunjukkan bahawa efikasi guru terhadap ICT mempengaruhi amalan pengajaran ICT itu sendiri. Perbincangan dan implikasi kajian terhadap amalan pengajaran turut dihuraikan.

Pengenalan

Senario pendidikan kini amat memerlukan guru-guru sejarah yang kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran mereka adalah efektif. Kreatif bermaksud kebolehan seseorang untuk mencipta, menghasilkan dan memperkembang sesuatu. Inovatif pula ialah kebolehan seseorang untuk memulakan sesuatu yang baru sama ada dalam bentuk kaedah, sistem pendekatan atau sebagainya. Menurut Abd. Rahim (1999), daya kreativiti yang tinggi membolehkan sesuatu kaedah dan metod pengajaran mencorakkan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai para pelajar. Kreativiti juga memerlukan daya imaginasi untuk membolehkan para pelajar meneroka dan menghayati pengajaran yang berguna dalam mata pelajaran sejarah. Ketandusan unsur kreatif dalam pengajaran sejarah menyebabkan pelajar berasa bosan, jemu dan tidak berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Kelemahan ini berpunca daripada kaedah pengajaran guru sejarah yang lebih banyak diorientasikan oleh keperluan peperiksaaan dan menghabiskan sukatan pelajaran (Hazri Jamil, 2003). Malah ketandusan inovasi dan pembaharuan yang berterusan dalam pengajaran sejarah di sekolah menyebabkan pelajar merasakan mata pelajaran ini stereotaip, tidak mencabar, statik dan membosankan (PPK, 2004). Pada hal menurut Abd. Rahim (2001), Sejarah bukanlah satu mata pelajaran yang statis, tradisional, mementingkan penghafalan fakta, bersifat naratif dan deskriptif seperti yang difahami oleh kebanyakan orang. Sehubungan itu, guru Sejarah perlu mempunyai kepercayaan yang positif dan keyakinan kendiri untuk menjadikannya seorang yang berinovatif dalam menyusun proses pengajaran dan pembelajaran. Guru juga harus memilih kaedah pengajaran pembelajaran yang boleh menarik minat serta mencabar kebolehan pelajar, merangsang pembelajaran dan menyeronokkan, berjaya melepaskan horizon intelektual, sosial, moral, kerohanian dan mewujudkan perspektif positif seperti merasa penting untuk dipelajari serta berguna untuk masa hadapan. Justeru, satu anjakan paradigma harus dilakukan untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah lebih berkesan, menarik dan menggembirakan dengan penggunaan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran (Rashdi Ramlan, 2001). Pengajaran berbantukan ICT seperti melalui penerokaan sumber Sejarah digital dengan melayari laman web boleh membantu meningkatkan minat pelajar serta menjadikan proses P&P Sejarah lebih menarik serta

"menghidupkan" mata pelajaran itu sendiri. Keputusan untuk menggunakan ICT pula mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengetahuan dan kemahiran seta kemudahan dan kekangan di sekolah. Namun beberapa kajian menunjukkan bahawa kepercayaan guru berkaitan penggunaan ICT dalam kerja-kerja mereka merupakan faktor penentu dalam kemampuan guru mengintergrasikannya dalam pengajaran (Mohd Zaaba & Zurida, 2002; Pajares, 2002). Dengan kata lain, kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi pemilihan tindakan, corak pemikiran dan reaksi emosi seseorang guru terhadap suatu situasi yang dihadapi. Individu yang berefikasi tinggi akan menghadapi tugasan-tugasan sukar sebagai cabaran yang perlu di atasi, malah mempunyai daya usaha yang kuat untuk meningkatkan pencapaian dan perwatakan. Berdasarkan kepada premis di atas, kajian ini bertujuan untk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru sejarah dan tahap amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT. Di samping itu perhubungan antara efikasi kendiri guru sejarah dengan amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT turut dikaji. Selain daripada itu kajian ini juga ingin mengenal pasti kesan efikasi kendiri guru terhadap amalan pengajaran sejarah berbantukan ICT.

Efikasi Guru

Menurut Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998), efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru akan keupayaan diri untuk menyusun atur dan melakukan satu siri tindakan yang diperlukan untuk menyempurnakan satu tugasan pengajaran dalam konteks yang spesifik. Dengan lain perkatan, efikasi guru merujuk kepada kepercayaan guru akan keupayan diri untuk mengajar dalam situasi pengajaran. Manakala Powell dan Anderson pula menyatakan efikasi guru sebagai suatu perasaan yang membuatkan seseorang itu merasakan betapa bagusnya beliau dapat belajar dan mempraktikkannya dengan baik. Dalam hal ini Allinder (1995) mendapati bahawa guru-guru yang mempunyai efikasi pengajaran yang tinggi mempunyai sasaran yang lebih tinggi terhadai pelajarnya; mudah menerima ide-ide baru dan mencuba teknik atau kaedah pengajaran baru (Guskey, 1988); daya ketahanan yang tinggi untuk melaksanakan suatu tugasan mengajar baru/sukar (Coladarci, 1992). Justeru guru yang berefikasi tinggi akan menghadapi kesukaran/kegagalan dengan usaha yang lebih gigih untuk menguasai kemahiran-

kemahiran mengajar sehingga berjaya. Sebaliknya guru yang berefikasi rendah mempunyai aspirasi yang rendah dan akan cuba mengelakkan diri daripada menghadapi tugasan pengajaran baru/sukar. Apabila berhadapan dengan tugasan pengajaran yang sukar, guru berefikasi rendah akan menfokuskan kepada rintangan tetapi tidak menumpukan usaha untuk mengatasi rintangan tersebut. Malah mereka juga mudah berputusa asa dan kegagalan ini akan melemahkan lagi efikasi pengajaran yang mengakibatkan mereka berasa stress dalam melaksanakan tugasan pengajaran.

ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Ahmad Fuad (2003), dalam konteks pendidikan,teknologi maklumat merupakan satu rangkaian elektronik untuk mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampai maklumat secara efektif, pantas dan banyak untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala Halimahtun Saadiah dan Nor Azilah Ngah (2003) pula mendapati kejayaan ICT dalam pendidikan bukan hanya terletak pada teknologi tetapi juga faktor lain seperti pendekatan pedagogi, subjek yang diajar, jenis pelajar, tahap pencapaian pelajar, keperluan pelajar, guru dan persekitaran bilik darjah. Dalam hal ini Irfan Naufal Umar (2004) pula mendapati penggunaan ICT dalam proses P&P membolehkan bilik darjah bertemu dengan dunia nyata serta membolehkan pelajar-pelajar sendiri mencari maklumat dan bahan asal; memudahkan kolaboratif dan perbandingan global; dan membolehkan bahan-bahan multimedia dicipta dan disebarkan dengan mudah. Selain daripada itu, Harris (2000) pula mengkategorikan penggunaan ICT dalam P&P kepada tiga, iaitu:-

i. pertukaran interpersonal seperti penyertaan dalam kumpulan perbincangan eletronik, bilik darjah global yang melibatkan pelajar-pelajar bertukar pendapat tentang sesuatu topik dan hubungan elektronik dengan pakar

ii. koleksi maklumat yang melibatkan pelajar-pelajar dan guru-guru berkongsi atrikel, sumber pengajaran dan rancangan pengajaran atau berkongsi data untuk dianalisis; dan

iii. projek yang melibatkan penyelesaian masalah selari yang melibatkan pelajar daripada pelbagai lokasi meninjau sesuatu dan kemudiannnya berkongsi kaedah dan dapatan kajian.

Di samping itu pautan hiperteks dan hypermedia pula membolehkan pelajar menentukan sendiri arah tuju pembelajaran, kelajuan pembelajaran dan urutan pembelajaran. Tina & Lim Swee Kim (2004) pula mendapati penggunaan ICT dalam P&P membolehkan pelajar bersifat aktif dalam pencarian maklumat dan membina pengetahuan daripada maklumat yang diperolehnya serta berpeluang menghubungkait pengetahuan merentas mata pelajaran tanpa disekat oleh masa dan jarak.

Efikasi Guru Terhadap Penggunaan ICT dalam P&P

Mengkiut Ahmad Fuad (2003) hasrat untuk mencapai penggunaan ICT secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan dua jenis perubahan dalam kalangan guru. Pertama, guru harus diyakinkan bahawa terdapat banyak kebaikan dan kepentingan penggunaan ICT dalam P&P. Kedua, guru perlu diberikan kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan peralatan ICT secara cekap dan efektif. Mengikut Sarimah (2003) pula latihan ICT diperlukan bukan sahaja untuk melatih kemahiran penggunaannya tetapi juga untuk menyakinkan penggunaannya dalam P&P dalam kalangan guru. Malah Norizan (2003) dalam kajiannya mendapati wujud perhubungan yang baik antara kemahiran ICT dengan amalan ICT dalam P&P. Manakala Mohd Zaaba dan Zurida mendapati guru-guru masih tidak pasti akan keupayaan mereka untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran. Kebanyakan daripada mereka masih berada di tahap 'perlu belajar' untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam ICT. Keupayaan seseorang untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran bukan berlaku secara automatis. Pengetahuan dan kemahiran dalam ICT tidak menjamin pengintergrasiannya dalam kurikulum dan juga pengajaran. Justeru, adalah penting bagi guru untuk membuat persediaan yang mencukupi agar dapat memenuhi tuntutan dan jangkaan masyarakat untuk menggabungkan ICT dalam pengajaran. Sikap serta keyakinan dan efikasi yang tinggi membantu memudahkan proses peningkatan kemahiran dalam pelaksanaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Albion (1999) menyarankan bahawa satu cara yang ideal untuk meningkatkan efikasi guru terhadap penggunaan ICT ialah dengan menyediakan latihan kemahiran ICT kerana ia berupaya meningkatkan efikasi guru. Menyokong pendapat Albion (1999) ialah Jones (2002) yang menyatakan bahawa apabila

guru menggunakan ICT untuk tujuan pengajaran, keyakinan diri akan muncul sebagai petunjuk yang penting ke atas seseorang guru untuk mengajar ICT dalam bilik darjah. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh Moersch (2001), bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran adalah bergantung kepada keyakinan diri guru untuk mengguna dan mengendali peralatan ICT.

Methodologi Kajian

Kajian deskriptif ini melibatkan responden seramai 95 orang guru Sejarah yang dipilih secara rawak dari 15 buah sekolah menengah harian biasa di seluruh negeri Perlis. Data kajian pula diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang dihantar oleh penyelidik sendiri kepada responden kajian. Instrumen yang digunakan untuk mengukur amalan guru Sejarah terhadap penggunaan ICT dalam kajian ini telah diambil daripada Norizan Ahmad (2003). Item-item tersebut terlebih dahulu telah diklasifikasikan kepada dua dimensi iaitu amalan penggunaan ICT untuk mencari maklumat sejarah (EPIK), dan amalan penggunaan ICT untuk menyampaikan pengajaran sejarah (EPICT). Kebolehpercayaan soal selidik ini adalah tinggi dengan nilai Cronbach Alpa yang peroleh ialah sebanyak 0.82.

Manakala efikasi guru sejarah terhadap pengajaran sejarah berbantukan ICT pula telah diukur dengan menggunakan dua puluh tiga item yang dibentuk oleh Mohd. Zaaba Ismail dan Zurida Ismail (2002). Dua dimensi efikasi guru yang diukur dalam kajian ini ialah berkaitan efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah (AICTMM), dan efikasi guru sejarah terhadap pemilihan isi kandungan semasa melaksanakan pengajaran sejarah berbantukan ICT (AICTUP). Responden dikehendaki menjawab dengan instrumen kajian tersebut berpandukan skala `Likert` yang memberi lima gerakbalas mengikut darjah persetujuan. Nilai kebolehpercayaan 'Cronbach Alpha' yang diperoleh bagi item-item kajian ini daripada kajian rintis adalah sangat menyakinkan iaitu sebanyak 0.91.

Semua data yang diperoleh daripada responden telah dianalisis dengan menggunakan min, sisihan piawai dan korelasi Pearson antara variabel bebas dan bersandar (dipaparkan dalam Jadual 1). Manakala kesan efikasi kendiri guru Sejarah terhadap amalan pengajaran berbantukan ICT pula telah dianalisis dengan menggunakan analisis regresi berganda serta dilaporkan dalam Jadual 2. Manakala interpretasi tahap amalan dan efikasi kendiri guru pula dilakukan berdasarkan saranan Mohd. Zaaba Ismail dan Zurida Ismail iaitu jika skor min di antara "1.0 hingga 2.9" menunjukkan tahap amalan rendah; skor min antara "3.0 hingga 3.9" menunjukkan tahap amalan sederhana; dan jika skor min di antara "4.0 hingga 5.0" menunjukkan tahap amalan tinggi.

Dapatan Kajian

Korelasi Antara Efikasi Guru Sejarah dengan Amalan Pengajaran Berbantukan ICT

Dapatan daripada Jadual 1 melaporkan bahawa secara keseluruhannya efikasi pengajaran berbantukan ICT guru Sejarah adalah sederhana kerana memperoleh skor min sebanyak 3.45. Secara spesifiknya tahap yang sama dalam efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah (AICTMM), dan efikasi guru sejarah terhadap pemilihan isi kandungan semasa melaksanakan pengajaran sejarah berbantukan ICT (AICTUP). Sebaliknya dapatan Jadual 1 turut melaporkan bahawa tahap amalan pengajaran Sejarah berbantukan ICT masih pada tahap rendah kerana memperoleh skor min sebanyak 2.61. Situasi yang sama dapat dilihat pada amalan amalan penggunaan ICT untuk mencari maklumat sejarah (EPIK), dan amalan penggunaan ICT untuk menyampaikan pengajaran sejarah (EPICT).

Sementara itu hasil korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan dan sederhana kukuh antara efikasi guru dengan amalan pengajaran Sejarah menggunakan ICT dan dimensinya iaitu nilai koefisien "r" antara 0.69 hingga 0.76.

Jadual 1
Min, Sisihan Piawai dan Inter Korelasi Antara Variabel Kajian

	Min	S.P.	1	2	3	4	5	6	7	8
1.Efikasi Keseluruhan	3.45	0.53								
2 Amalan Keseluruhan	2.61	0.69	.60*	-						
3.AICTMM	3.31	0.64	.94*	.58*	-					
4.AICTUP	3.65	0.59	.90*	.51*	.70*	-				
5.EPIS	2.42	0.74	.60*	.92*	.58*	.48*	-			
6.EPICT	2.79	0.76	.52*	.92*	.48*	.45*	.68*	-		

* signifikan pada paras p<0.05

Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantukan Teknologi Maklmumat dan Komunikasi (ICT)

Dapatan daripada Jadual 2 menunjukkan bahawa efikasi guru Sejarah terhadap penggunaan ICT berbantukan ICT menyumbang sebanyak 36.0 % varians terhadap perubahan amalan kerja. Hanya dimensi efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah (β=0.442) sahaja yang mempunyai kesan positif secara signifikan terhadap amalan penggunaan ICT secara menyeluruh berbanding efikasi guru sejarah terhadap pemilihan isi kandungan semasa melaksanakan pengajaran sejarah berbantukan ICT (AICTUP). Dapatan ini menjelaskan bahawa apabila efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah meningkat, ia turut meningkatkan amalan penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah.

Pola dapatan yang serupa dapat dilihat dalam Jadual 2 apabila hanya dimensi efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah (ICTMM) sahaja yang mempunyai kesan positif secara signifikan terhadap amalan penggunaan ICT untuk mencari maklumat sejarah (β=0.482), dan amalan penggunaan ICT untuk menyampaikan pengajaran sejarah (β=0.327). Keputusan ini mengukuhkan bahawa apabila efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah bertambah, ia turut meningkatkan lagi amalan penggunaan ICT untuk mencari maklumat sejarah, dan amalan penggunaan ICT untuk menyampaikan pengajaran sejarah di kalangan guru

Jadual 2 :
Keputusan Analisis Regresi Berganda

Variabel bersandar (Amalan Penggunaan ICT secara menyeluruh)	Beta	t	R^2	F
Efikasi Guru Sejarah			0.360	25.83*
1.AICTMM	0.442	3.78*		
2.AICTUP	0.200	1.71		
Variabel Bersandar (EPIS)				
Efikasi Guru Sejarah			0.361	24.86*
1.AICTMM	0.482	4.09*		
2.AICTUP	0.145	1.22		
Variabel Bersandar (EPICT)				
Efikasi Guru Sejarah			0.259	16.07*
1.AICTMM	0.327	2.597*		
2.AICTUP	0.224	1.779		

* signifikan pada aras $p < 0.05$

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Dapatan kajian menunjukkan efikasi secara keseluruhannya guru sejarah mempunyai tahap efikasi yang sederhana terhadap pengajaran sejarah berbantukan ICT. Dalam hal ini para guru sejarah turut mempunyai tahap efikasi yang sederhana terhadap pemilihan isi kandungan sejarah dan juga penggunaan ICT untuk mengajar sejarah. Dapatan ini sekadar menyokong kajian Jamaluddin et al. (2000), bahawa kesediaan guru menggunakan ICT berkait dengan sikap positif dalam menerima perubahan dari segi strategi dan kaedah pengajaran. Dapatan ini juga mengukuhkan pernyataan bahawa terdapat dalam kalangan guru sejarah yang masih mempunyai sikap fobia, takut serta negatif menerima perubahan kerana mereka lebih gemar dengan kaedah lama yang bersandarkan buku teks, nota edaran atau menulis pada papan hijau sahaja.

Dari sudut tahap amalan penggunaan ICT guru sejarah didapati secara keseluruhannya masih lagi pada tahap rendah sama ada dari segi mencari maklumat mahu pun dari segi menyampaikan pengajaran. Dapatan ini menggambarkan bahawa pengintergrasian ICT dalam P&P dalam kalangan guru sejarah masih tidak lagi pada tahap yang tidak memuaskan kemungkinan kurangnya latihan berkaitan.

Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana kukuh antara efikasi guru sejarah terhadap pengajaran berbantukan ICT dengan amalan penggunaan ICT guru sejarah. Hubungan ini membawa maksud bahawa semakin tinggi tahap efikasi guru sejarah terhadap pengajaran berbantukan ICT maka semakin tinggi tahap amalan penggunaan ICT untuk mengajar Sejarah. Dapatan ini menyokong kajian Harrison et al. (1997) dan Albion (1999). Manakala dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa hanya dimensi efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah sahaja yang mempunyai kesan positif secara signifikan terhadap amalan penggunaan ICT secara menyeluruh berbanding efikasi guru sejarah terhadap pemilihan isi kandungan semasa melaksanakan pengajaran sejarah berbantukan ICT. Dapatan ini menjelaskan bahawa apabila efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah meningkat, ia turut meningkatkan amalan penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah. Keputusan ini dikukuhkan lagi apabila efikasi guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah bertambah, ia turut meningkatkan lagi amalan penggunaan ICT untuk mencari maklumat sejarah, dan amalan penggunaan ICT untuk menyampaikan pengajaran sejarah di kalangan guru sejarah. Dalam hal ini, Shroyer dan Borchers (1996); Albion (1999); dan Moersch (2001) mendapati bahawa kepercayaan guru, khasnya efikasi guru adalah faktor yang signifikan dalam menentukan keupayaan guru untuk menggabungkan teknologi dalam pengajaran. Sebaliknya guru yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah biasanya memilih kaedah yang mudah untuk melaksanakan pengajaran.

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi, antaranya ialah guru sejarah harus lebih berani menggunakan kaedah pengajaran berbantukan ICT kerana rasa bimbang dan takut masih menguasai diri guru sejarah. Guru sejarah harus berani memecahkan kaedah tradisi dan status quo yang sedia ada dengan menggunakan ICT untuk mencari maklumat pengajaran dan menyampaikan pengajaran sejarah. Melalui penggunaan ICT, pengajaran dan pembelajaran sejarah akan menjadi lebih menarik dan tidak membosankan. Tahap amalan penggunaan ICT pula masih rendah dalam pengajaran sejarah, justeru keadaan sebegini harus dielakkan lebih-lebih lagi pada zaman serba canggih ini. Guru sejarah seharusnya

membiasakan diri menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka agar pelajar akan terangsang untuk menghayati dan mengikuti pelajaran sejarah dengan penuh minat.

Kesimpulan

Kajian ini secara umumnya telah menunjukkan bahawa implikasi efikasi dan amalan guru sejarah terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran sejarah. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa efikasi mempengaruhi amalan penggunaan ICT guru sejarah dalam melaksanakan pengajaran sejarah. Guru sejarah seharusnya mengintergrasikan ICT dalam pengajaran sejarah supaya pengajaran dan pembelajaran sejarah menjadi lebih menarik dan berkesan. Guru-guru sejarah perlu menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut perkembangan semasa agar mereka tidak menjadi guru yang terpinggir dan kaku. Guru sejarah seharusnya mempunyai keyakinan untuk mengintergrasikan ICT dalam pengajaran bagi meningkatkan "outcomes" dan keberkesanan pengajaran.

Rujukan:

Abd Rahim Abd Rahim. (1999). Pendidikan sejarah: Falsafah, teori dan amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. Sdn. Bhd.

Abd Rahim Abd. Rashid. (2001). Guru sejarah berkesan dan bermotivasi tinggi dalam pengajaran sejarah dan penerapan patriotisma. Persidangan Kebangsaan pendidikan sejarah kea rah pembentukan warganegara patriotic, 8-12 Oktober 2001

Ahmad Fuad Othman (2003). Pendidik dan pendidikan di era digital: Pendekatan dan cabarannya. Wawasan: Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah. Bil.17. Jun 2003. Bil.1

Albion, P.R. (1999). Self efficacy beliefs as an indicator of teachers' preparedness for teaching with technology. Association for the advancement of computing in Education.: http://www.usq.edu.au/users/albion/paper/site99/html

Allinder, R.M. (1995). An examination of the relationship between teacher efficacy and curriculum-based measurement. Remedial & Special Education. Jul. 99, Vol. 16: P.247.

Coladarci,T. (1992). Teachers' sense of efficacy and commitment to teaching. Journal of experimental education, 60: 323-337.

Guskey,T.R. (1988). Teacher efficacy, self concept, and attitudes toward the implementation of instructional innovation. Teaching and teacher education, 4(1). 63-69.

Halimahtun Saadiah Mohd Taib & Nor Azilah Ngah. (2003). Pertimbangan sosio-teknikal dalam reka bentuk dan implementasi ICT. ICT dalam pendidikan dan latihan: Trend dan isu. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia

Harriosn,A.W.,Reiner,R.K.,Hochwarter,W.A.,& Thompson,K.R. (1997). Testing the self efficacy-performance linkage of social cognitive theory. Journal of Social Psychology, 137(1).79-87

Harris, J. (2000). In the kitchen design for telecollaboration and telepresence. :http://ccwf.cc.utexas.edu/jbharris/virtual-architecture/telecollaboration/more: /telecollaboration htm

Hazri Jamil (2003). *Teknik mengjar sejarah*. Kuala Lumpur: PTS Pub & Dist Sdn. Bhd.

Irfan Naufal Umar dan Sajap Maswan. (2004). Pendekatan inkuiri dan pembelajaran berasaskan masalah dalam persekitaran web. *Prosiding Teknologi Pendidikan*. Universiti Sains Malaysia. 2004

Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin & Abd. Rashud Johar. (2000). *Inovasi dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Percetakan Warni Sdn. Bhd.

Jones,A. (2002). Refusing of ignoring? An investigation of student teachers' perceptions and use of computers.: http://.aset.org.au/confs/2002/jones/html.

Moersch,C.(2001).Next Steps: Using LoTI as a research tool. Learning and leading with technology, 29(3). Http://www.isteorg/L&L/index.html.

Mohd. Zaaba Hj Ismail & Zurida Hj Ismail (2002). Keyakinan guru-guru pelatih untuk mengintergrasikan teknologi dalam kurikulum. *Wawasan:* Pusat Sumber Pendidikan Negeri kedah. Jld.16.

Nordin Mamat & Roslee MOhamad (2003). Budaya ICT di kalangan guru-guru sains dan matematik di daerah Pasir Putih. ICT dalam pendidikan dan latihan: Trend dan isu. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.

Pajares, G.R. (2002). Self efficacy beliefs in academi contexts: An outline. Http://www.emory.edu?.EDUCATION/mfp/efftalk.html.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2004). *Bahan intervensi sejarah*. Kuala Lumpur.

Rashdi Ramlan. (2001). Ucap utama I: Persidangan kebangsaan pendidikan sejarah ke arah pembentukan warganegara patriotik, 8-12, OKt, 2001.

Tina Lim Swee Kim. (2002). Pembelajaran web. Kesan pendekatan konstruktivis berbanding pendekatan langsung terhadap pencapaian sains dan kemahiran berfikir aras tinggi. Tesis Master. USM

Tschannen-Moran, Hoy,A.W., & Hoy,W.K. (1998). Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of educational research, 68*(2): p 202-248.

KEMISKINAN DAN PENDIDIKAN: PERUBAHAN MINDA ORANG MELAYU KE ARAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN AKADEMIK[1]

Disediakan oleh

**Dr. Faridah Abu Hassan, Dr. Naimah Ishak,
Dr. Hamidah Yusof dan Dr. Habibah Abdul Rahim**

Dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar Melayu, kertas ini telah mengupas kaitan antara kemiskinan dengan pendidikan. Data pada tahun 1997 menunjukkan kadar kemiskinan di kalangan kaum Melayu adalah lebih tinggi berbanding kaum India dan kaum Cina. Walaupun terdapat pelbagai takrifan kemiskinan, kajian ini menggunakan takrifan yang digunapakai oleh MAPEN II iaitu berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kaedah kualitatif yang melibatkan *armchair research* dan *focus group interview* digunakan untuk melihat perhubungan antara kemiskinan dengan pendidikan. Fenomena kemiskinan ini dikaji dengan menggunakan maklumat analisis kandungan berdasarkan *semantic content analysis* (*manifest*) dan *feeleng tone* or *inferred content analysis (latent)*. *Focus group interview* pula membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat terperinci tentang kemiskinan. Maklumat yang diperoleh daripada *content analysis* dan *focus group interview* ini dikategorikan mengikut tema yang mempengaruhi persekitaran budaya belajar pelajar seperti keluarga, pelajar dan sekolah. Hasil kajian yang telah dianalisis seterusnya diterjemahkan kepada strategi bagi meningkatkan pencapaian pelajar Melayu terutama yang miskin. Konsep 4 Celik
(Celik Bahasa, Celik Angka, Celik Pembelajaran dan Celik Minda) telah diperkenalkan ke dalam persekitaran budaya belajar bagi meningkatkan prestasi pelajar Melayu dan menjana perubahan minda orang Melayu. Langkah – langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa/keluarga, sekolah dan guru, masyarakat/komuniti dan pelajar juga telah dikenalpasti agar pelajar Melayu miskin berjaya dalam pendidikan.

1.0 PENGENALAN

Latar Belakang

1.1 Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang membanggakan dalam pelbagai aspek pendidikan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Secara amnya, banyak kemajuan yang telah dicapai dalam pencapaian akademik pelajar termasuk peningkatan penyertaan dan pengurangan keciciran pada semua

peringkat pendidikan, peningkatan pencapaian tahap pendidikan, dan peningkatan prestasi pencapaian pendidikan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih terdapat jurang yang nyata dalam pencapaian akademik antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera (BPPDP, 2001). Pelajar Bumiputera masih belum setanding dengan pelajar bukan Bumiputera, khususnya kaum Cina, sama ada dari segi kuantiti mahupun kualiti.

1.2   Salah satu faktor utama yang dikenal pasti adalah perkaitan antara kemiskinan dengan pendidikan. Ketidakseimbangan sosioekonomi dan wujudnya golongan miskin mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar mengikut kaum dan lokasi. Faktor kemiskinan, keluarga, pelajar, sekolah, dan persekitaran banyak mempengaruhi kelemahan pelajar Bumiputera khususnya pelajar Melayu dalam akademik terutamanya dalam aspek bahasa, angka, pembelajaran, dan perkembangan minda.

1.3   Kemiskinan meliputi pelbagai dimensi dan takrif. Umumnya, kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan, ketertinggalan, dan kemunduran sesuatu masyarakat mengikut ukuran atau norma tertentu. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting tahap kemiskinan.

1.4   Di Malaysia, konsep kemiskinan yang sering digunakan adalah berasaskan komponen ekonomi dan dilihat dari dua aspek iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (Chamhuri, 2001; Cheong dan Fredericks, 1977; MAPEN II, 2001; Osman-Rani, 1995). Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang meliputi keperluan makanan, pakaian, tempat kediaman, dan keperluan asas lain. Ukuran yang digunakan adalah berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula merujuk kepada ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur berdasarkan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan

pendapatan, kumpulan etnik, isi rumah bandar dan luar bandar, dan peratus isi rumah dengan pendapatan.

1.5 Pendekatan yang diguna pakai bagi mengukur kemiskinan berdasarkan PGK mempunyai beberapa kelemahan kerana konsep ini bukan merupakan satu konsep kemiskinan menyeluruh dan tidak menggambarkan taraf hidup isi rumah. Sebagai sokongan, Chamhuri (2001) mencadangkan penggunaan petunjuk sosial atau kebajikan lain bagi mengukur kualiti hidup seperti indeks kualiti hidup fizikal, indeks pembangunan manusia, dan indeks kemiskinan manusia.

1.6 Ungku Aziz pula mengesyorkan supaya pengukur kemiskinan diasaskan kepada pemakanan yang perlu bagi pertumbuhan badan, zat yang diperlukan bagi menghindar penyakit seperti anemia dan benguk, dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang perlu untuk taraf penghidupan yang sederhana. Berasaskan pendekatan ini, MAPEN II (2001, p. 563) telah menganggarkan jumlah perbelanjaan sebulan bagi lima orang ahli keluarga mengikut tiga jenis makanan pilihan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak adalah seperti berikut:

	Pilihan 1	Pilihan 2	Pilihan 3
Semenanjung Malaysia	RM775.29	RM784.38	RM936.39
Sabah	RM949.64	RM959.12	RM1054.64
Sarawak	RM952.22	RM978.44	RM1086.60

1.7 Bagi kertas ini, takrif kemiskinan merujuk kepada takrif yang diguna pakai oleh MAPEN II iaitu berasaskan PGK. Namun, walau apapun takrif yang digunakan, kemiskinan di Malaysia lebih merupakan fenomena antara desa dan bandar, terutama di kalangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kemiskinan yang dahulunya yang lebih tertumpu kepada Melayu luar bandar kini sudah semakin ketara juga di kalangan Melayu bandar. Antara sebab berlakunya kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu adalah berpunca daripada sikap negatif berikut:

a. tidak mempunyai motivasi tinggi untuk merebut peluang pembangunan;

b. tidak ingin memajukan diri untuk bersaing dengan lain-lain penduduk, terutamanya bukan Bumiputera, dalam sektor penting; dan

c. tidak ingin mengambil risiko terhadap aktiviti yang boleh menambah pendapatan (Laporan IAPG, 1990, m.s. 66 dalam INTAN, 1991).

Kadar Kemiskinan

1.8   Kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun sejak dua dekad yang lalu. Menurut laporan MAPEN II, kadar kemiskinan keseluruhan telah menurun daripada 16.5 peratus pada tahun 1990 kepada 4.3 peratus pada tahun 2004. Kadar kemiskinan desa pula menurun daripada 21.1 peratus pada tahun 1990 kepada 9.6 peratus pada tahun 2004.

1.9   Walaupun kadar kemiskinan telah menurun, masih terdapat jurang kemiskinan antara desa dan bandar serta kaum. Terdapat juga perbezaan agihan pendapatan mengikut kaum dan antara kumpulan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

a. Kadar kemiskinan mengikut strata menunjukkan pada tahun 2004, kadar kemiskinan lebih tinggi di desa (9.6%) berbanding bandar (1.6%).

b. Kadar kemiskinan mengikut kaum menunjukkan pada tahun 1997, kadar kemiskinan lebih tinggi di kalangan Melayu (7.7%) berbanding India (1.3%), dan Cina (1.1%).

c. Agihan pendapatan pelbagai kumpulan menunjukkan pada tahun 1997, pendapatan isi rumah bulanan Bumiputera lebih rendah daripada Cina dan India. Bumiputera merupakan golongan terbesar (70.2%) dalam kategori pendapatan 40 peratus terendah berbanding dengan Cina (14.4%) dan India (5.3%).

d. Nisbah ketidakseimbangan pendapatan menunjukkan pada tahun 2002, wujud ketidaksamarataan pendapatan isi rumah yang lebar antara Bumiputera dengan kaum lain – Bumiputera:Cina adalah 1:1.80 dan Bumiputera:India adalah 1:1.28 dan antara desa dengan bandar 1:2.11.

Kaitan Kemiskinan Dengan Pendidikan

1.10 Jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana kemiskinan dalam satu kitaran ganas (*vicious cycle of poverty*). Dalam kitaran ini, kemiskinan dan persekitaran menyebabkan pencapaian pendidikan yang rendah dan seterusnya mencambahkan kemiskinan. Kajian-kajian kemiskinan dan pembangunan desa sering menunjukkan tahap pendidikan keluarga miskin adalah rendah (Fong Chan Onn dalam INTAN 1991; Unit Penyelidikan Sosioekonomi Rakyat, 1990). Contohnya, Kajian Sosioekonomi Rakyat Termiskin (Chamhuri, 1994 dalam Chamhuri, 2001) mendapati tahap pendidikan keluarga termiskin adalah lebih rendah berbanding bukan miskin iaitu antara 65-92 peratus ketua isi rumah termiskin cuma tamat sekolah rendah dan hanya 1-16 peratus tamat sekolah menengah rendah. Ahli isi rumah termiskin juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu antara 29-77 peratus tamat sekolah rendah.

1.11 Rata-rata, pencapaian akademik pelajar Melayu di desa dan bandar lebih rendah berbanding pelajar bukan Melayu pada setiap peringkat pendidikan dan kadar keciciran adalah tinggi di kawasan desa. Masalah kemiskinan, kesempitan hidup, dan kewangan menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Pelajar yang miskin didapati bekerja untuk membantu menyara keluarga, membantu ibu bapa bekerja di sawah, ladang, kebun, laut, atau

mengusahakan perniagaan keluarga; dan membantu kerja rumah serta menjaga adik-adik ketika ibu bapa bekerja.

1.12 Pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin akan mampu membantu mereka untuk memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada buruh upah rendah, meningkatkan daya saing, dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka (MAPEN II, 2001). Pendidikan ibu bapa/penjaga juga memberi kesan *intergenerational effects* khususnya terhadap tahap dan pencapaian pendidikan anak-anak serta keupayaan untuk mengubah mobiliti sosial. Kesemua ini mempunyai implikasi yang besar ke atas pembangunan masyarakat dan sumber tenaga manusia negara. Penekanan ke atas kecemerlangan pendidikan anak-anak Melayu perlu dititikberatkan demi kemajuan masyarakat Melayu. Untuk memahami status pencapaian pelajar Melayu, analisis prestasi akademik pelajar Melayu perlu dikupas terlebih dahulu.

2.0   PRESTASI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MELAYU

Rumusan Pencapaian Pelajar

2.1 Pada semua peringkat pendidikan pencapaian pelajar Bumiputera kurang cemerlang berbanding pelajar bukan Bumiputera. Pada peringkat UPSR, pencapaian gred A bagi mata pelajaran Sains dan Matematik menunjukkan perbezaan antara kaum, lokasi, jenis sekolah, dan jantina. Pelajar bukan Bumiputera sama ada di SK atau SJKC, bandar atau luar bandar menunjukkan prestasi yang lebih baik. Sebaliknya, pencapaian prestasi pelajar Bumiputera adalah berbeza mengikut faktor lokasi dan jantina. Gambaran yang sama juga ditunjukkan pada peringkat PMR dan SPM.

3.0   METODOLOGI KAJIAN

3.1   Perkaitan antara kemiskinan dan pendidikan di Malaysia ini dikaji secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan *armchair research* dan *focus group interview.* Kaedah kualitatif dipilih kerana kaedah ini dapat membantu mengenal pasti dan menerangkan masalah sosial yang kompleks (Marshall, C. & Rossman, G.B., 1995; p.11) seperti kemiskinan. Dalam mengkaji fenomena kemiskinan, maklumat diperoleh dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Manakala focus group interview membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang kemiskinan. Dalam meneliti perkaitan kemiskinan dan pendidikan ini, pengkaji telah menggunakan kedua-dua jenis analisis kandungan iaitu: *(a) semantic content analysis (manifest) and (b) feeling tone, or inferred content analysis (latent). In a latent content analysis, the researcher goes beyond what was said or written and infers meaning of something"* (Morse, J.M. (ed.) 1994; p.179).

3.2   Pengkaji telah menggunakan kajian yang dijalankan oleh BPPDP dan orang perseorangan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. *Focus group interview* dilakukan dengan beberapa orang cendekiawan untuk membolehkan pengkaji mengetahui secara mendalam pemikiran para cendiakawan tentang kemiskinan dan kaitannya dengan pendidikan. Maklumat yang diperoleh melalui *content analysis* dan *focus group interview* di dikategorikan berdasarkan tema yang mempengaruhi persekitaran budaya belajar pelajar. Faktor tersebut ialah keluarga, pelajar, sekolah, dan persekitaran seperti yang diterangkan dalam kerangka konsep kajian ini.

3.3   Hasil kajian yang telah dianalisis kemudiannya diterjemahkan kepada strategi bagi meningkatkan pencapaian pelajar Melayu terutama yang miskin.   Pengkaji telah memperkenalkan konsep 4Celik ke dalam persekitaran budaya belajar pelajar.   Akhir sekali, pengkaji telah

menyediakan langkah seterusnya yang perlu diambil oleh ibu bapa/keluarga, sekolah dan guru, masyarakat/komuniti, dan pelajar bagi memastikan pelajar Melayu miskin berjaya dalam pendidikan.

4.0   PUNCA KELEMAHAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MELAYU

Kerangka Konsep

4.1   Faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar Melayu, khususnya pelajar miskin dan di luar bandar, berkait rapat dengan budaya belajar pelajar. Budaya belajar ini boleh diperjelas berdasarkan kerangka konsep yang memperlihatkan perkaitan antara empat faktor yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Melayu iaitu keluarga, pelajar, sekolah, dan persekitaran (Rajah 1). Keempat-empat faktor ini mempunyai interaksi antara satu sama lain dalam membentuk persekitaran budaya belajar pelajar.

Rajah 1

Persekitaran Budaya Belajar

4.2 Sejak dilahirkan pembentukan sahsiah, sikap serta persepsi seseorang individu terhadap kehidupan akan datang banyak dipengaruhi oleh keluarganya. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan yang suci (fitrah), ibu bapanyalah yang akan menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi."

4.3 Latar belakang keluarga seperti status ekonomi, pegangan agama, budaya keluarga, sikap ibu bapa terhadap nilai pendidikan akan menjadi asas pembentukan identiti individu pelajar. Pendidikan pada peringkat awal yang diperolehi di rumah serta sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan pelajar pada peringkat persekolahan seterusnya. Menurut Lumsden (1994):

> "Children's home environment shapes the initial constellation of attitudes they develop toward learning. When parents nurture their children's natural curiosity about the world by welcoming their questions, encouraging exploration, and familiarising them with resources that can enlarge their world, they are giving their children the message that learning is worthwhile and frequently fun and satisfying."
>
> *(ERIC Digest 92)*

4.4 Menurut Gardner (dalam Mohamad Daud, 1994), kanak-kanak yang hidup bersama ibu bapa akan memperoleh nilai kelas sosial yang diamalkan oleh keluarga. Keluarga golongan kelas sosial bawahan selalunya besar, kurang berkemampuan, dan ibu bapa kurang memberi perhatian individu kepada anak-anak. Ibu bapa ini mempunyai harapan rendah terhadap anak-anak, berbual tentang topik yang terbatas, dan mahukan anak-anak mengikut perintah mereka. Manakala keluarga daripada kelas sosial menengah selalunya kecil, menaruh harapan tinggi terhadap anak-anak, sentiasa

bekerjasama, dan berusaha untuk memastikan supaya anak-anak mereka mendapat pencapaian yang lebih tinggi. Anak-anak mereka juga mempunyai sifat kendiri yang tinggi.

4.5   Sekolah dan persekitaran juga merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pembentukan sahsiah dan pencapaian pelajar. Faktor sekolah termasuklah guru, kemudahan pembelajaran, persekitaran pembelajaran, pembiayaan pendidikan, sistem pendidikan, cara penyampaian pendidikan, program sokongan, dan hubungan sekolah dan komuniti. Faktor persekitaran termasuk komuniti, budaya sesuatu bangsa/kaum serta sistem sokongan yang wujud dalam masyarakat akan terus mewarnai kehidupan seseorang pelajar. Dengan lain perkataan, budaya belajar seseorang pelajar itu dipengaruhi oleh pelbagai faktor khususnya faktor keluarga, sekolah serta persekitaran yang boleh menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar baik dalam apa bidang pun serta dalam kehidupan sebenarnya.

4.6   Kajian *Factors Influencing the Academic Achievement of Students in Malaysian Schools* oleh Universiti Malaya (Leong Yin Ching dan lain-lain, 1990), mendapati keempat-empat faktor yang tersebut di atas mempunyai pengaruh yang berbeza mengikut peringkat persekolahan. Kajian ini melibatkan seramai 25,632 orang pelajar sekolah rendah daripada 686 buah sekolah dan 18,458 pelajar sekolah menengah daripada 119 buah sekolah menengah di seluruh negara. Kajian ini merumuskan bahawa faktor sosioekonomi dan keluarga merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar pada peringkat sekolah rendah (UPSR). Walau bagaimanapun, faktor–faktor ini kurang mempengaruhi pencapaian akademik pada peringkat menengah. Pada peringkat menengah (SRP dan SPM) faktor sekolah dan persekitaran banyak mempengaruhi

pencapaian akademik, manakala pada peringkat lepas menengah (STPM), faktor utamanya adalah sekolah.

FAKTOR KELUARGA

4.7 Kajian-kajian BPPDP (EPRD, 1992, 1994, 1996, dan 2001a) tentang kelemahan pelajar dalam pelajaran dan masalah keciciran di sekolah mendapati faktor keluarga iaitu sikap negatif terhadap pendidikan, masalah kemiskinan, masalah rumah tangga, kurang sokongan terhadap pendidikan, dan kurang hubungan antara keluarga dan sekolah adalah penyumbang kepada pembentukan budaya belajar pelajar.

Sikap Negatif Terhadap Pendidikan

4.8 Kajian Kes Mengenai Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 1996) menggariskan sikap negatif ibu bapa/keluarga terhadap pendidikan termasuklah tidak atau kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak, kurang kesedaran tentang kepentingan pelajaran, lebih suka anak bekerja daripada bersekolah, dan membiarkan anak ponteng sekolah. Terdapat juga ibu bapa yang merestui, membiarkan, atau tidak tahu mengambil tindakan terhadap tingkah laku anak yang nakal. Keluhan yang sering diluahkan oleh ibu bapa sebegini adalah seperti "Apa yang boleh kami buat?", dan "Sekiranya anak-anak tetap tidak mahu bersekolah, apa yang boleh kami lakukan?". Sikap negatif ini juga menyumbang kepada salah laku moral dan seks di kalangan pelajar. Mengikut perangkaan Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, di antara bulan Januari dan September tahun 2001 terdapat sebanyak 973 kes salah laku moral yang dilaporkan.

Masalah Kemiskinan

4.9   Keluarga yang kurang berkemampuan menghadapi masalah untuk membeli peralatan dan bahan pembelajaran, membayar yuran sekolah, tambang bas, dan membeli cermin mata (BPPDP, 1996). Ada juga keluarga kurang berkemampuan yang mengharapkan anak-anak untuk bekerja bagi membantu keluarga. Keluarga miskin juga kurang mampu menyediakan rumah yang selesa untuk seisi keluarga menyebabkan suasana tidak kondusif untuk menjadi tempat belajar. Menurut perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, sebanyak 7.5 peratus penduduk Malaysia adalah di bawah paras kemiskinan. Ini bermakna seramai 1.7 juta penduduk Malaysia perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan daripada jumlah tersebut sebanyak 16.5 peratus adalah daripada keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal (The Sun, 22 Mei 2002).

4.10   Kajian Universiti Malaya (Leong Yin Ching dan lain-lain, 1990) tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar mendapati bahawa status sosioekonomi merupakan faktor utama bagi menentukan kejayaan seseorang pelajar terutama pada peringkat rendah (29.0%) dan berkurangan pada peringkat menengah (PMR 16.0% dan SPM 9.0%). Walau bagaimanapun, faktor sosioekonomi tidak mempengaruhi pelajar pada peringkat STPM. Kajian ini juga menjelaskan bahawa sosioekonomi keluarga juga mempengaruhi sikap pelajar terhadap aspirasi, motivasi, konsep kendiri, dan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum. Kajian Jabatan Kebajikan Masyarakat (Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin,1999) juga mendapati bahawa faktor sosioekonomi, khususnya tahap pendidikan yang diterima oleh ibu bapa, mempengaruhi pencapaian akademik anak mereka.

Hubungan kemiskinan dengan pencapaian dikaitkan juga dengan kesan negatif terhadap perkembangan minda. Kesan ini termasuk *food deprivation* yang mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian; kekurangan nutrien atau zat yang mempengaruhi pembesaran;

kekurangan pengawasan oleh ahli dewasa dan penjagaan anak yang akan menghad pembelajaran; kekurangan stimulasi yang mengakibatkan kekurangan motivasi untuk belajar dan melambatkan perkembangan kognitif; tingkah laku yang bermasalah; sikap kendiri yang rendah; buta huruf dan pencapaian rendah; gangguan kepada kehadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah; dan kekurangan kemasukan ke universiti.

Masalah Rumah Tangga

4.11   Rumah tangga yang kucar kacir dan mengalami keruntuhan seperti penceraian, poligami, dan ibu bapa tidak tinggal serumah menyebabkan keruntuhan akhlak dan masalah sosial di kalangan pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa apabila berlaku penceraian, tanggungjawab memelihara anak selalunya diserahkan kepada datuk atau nenek (BPPDP, 2001a). Faktor-faktor ini menyebabkan kurangnya kemesraan dan komunikasi berkesan antara anak dan ibu bapa.

Kurang Sokongan Terhadap Pendidikan

4.12   *Kajian Drop-out & Low Achievement – Case Studies in Selected Primary Schools in Malaysia (EPRD, 1994)* mendapati pelajar yang tercicir dan berpencapaian rendah adalah daripada keluarga yang kurang memberi sokongan terhadap pendidikan anak-anak mereka, kurang mengawasi kemajuan pelajaran anak-anak, tidak menyemak kerja sekolah, menyerah tugas membantu pelajaran kepada anak yang lebih tua, dan lebih suka anak menolong kerja di rumah daripada bersekolah. Terdapat juga keluarga yang kurang mementingkan pendidikan dengan memaksa anak perempuan berkahwin bagi mengurangkan beban keluarga atau tidak menggalakkan anak perempuan belajar ke peringkat tinggi. Selain daripada itu, terdapat juga keluarga yang kurang memperuntukkan wang

kepada pendidikan anak tetapi lebih mementingkan kebendaan, penjagaan status, dan hiburan.

Kurang Hubungan Antara Keluarga Dan Sekolah

4.13   Hubungan yang rapat antara keluarga dan sekolah dapat membantu pelajar untuk berjaya dalam pelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan awal Kajian Penilaian Program Intervensi JPN bagi Menangani Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 2001b) menunjukkan masih terdapat ibu bapa yang melepaskan tanggungjawab mendidik dan membimbing anak mereka kepada pihak sekolah, sering tidak menghadirkan diri apabila dipanggil untuk berjumpa pihak sekolah, meminta orang lain seperti jiran untuk mengambil rekod kemajuan pelajar, dan kurang mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG). Terdapat juga ibu bapa yang enggan melayan atau membalas surat sekolah tentang masalah pembelajaran atau ponteng sekolah anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa/keluarga tidak mengetahui tentang pencapaian sebenar anak mereka dalam pelajaran dan kurang memberikan komitmen terhadap program pendidikan di sekolah sama ada dalam bentuk tenaga, masa atau wang ringgit.

FAKTOR PELAJAR

4.14   Umumnya, pelajar Melayu kurang mengutamakan kecemerlangan dalam pendidikan berbanding dengan pelajar Cina. Sikap pelajar Melayu ini dikenal pasti berpunca dari rasa selesa (*complacent*), malas, kurang daya saing, mudah terpengaruh dengan faktor luar yang negatif, kurang pergaulan yang membina, *low self-esteem*, terlibat dalam aktiviti tidak berfaedah, cenderung memilih mata pelajaran senang, dan kurang bimbingan akademik dan kerjaya (BPPDP 2001b).

4.15   Kajian Frances Penafort-Ponnu dan lain-lain (1995) terhadap pelajar ITM, Melaka mendapati pelajar kurang berjaya disebabkan kurang motivasi dan inisiatif, malu bertanya, panik semasa menjawab soalan peperiksaan, dan kurang konsentrasi. Hasil kajian BPPDP (EPRD, 1992, 1994, 1996, dan 2001a) mendapati sikap negatif pelajar terhadap pelajaran, masalah pembelajaran, kurang kemahiran asas pembelajaran, lemah dalam penguasaan bahasa, dan lemah konsep kendiri banyak mempengaruhi kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar.

Sikap Negatif Pelajar Terhadap Pelajaran

4.16   Kajian Kes Mengenai Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP,1996) mengenal pasti beberapa sikap negatif pelajar yang menyebabkan keciciran. Antara sikap negatif pelajar terhadap pelajaran ialah keinginan untuk bekerja, terpengaruh dengan kawan-kawan yang gagal dalam pelajaran, tiada arah tuju masa depan, dan mengutamakan keuntungan jangka pendek atau mendirikan rumah tangga.

4.17   Satu lagi sikap yang amat membimbangkan adalah tabiat suka membazir masa atau budaya lepak. Kajian Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (dalam Sabitha Marican dan Mahmood Nazar, 1994) mendapati secara khususnya, 44.8 peratus daripada responden yang lepak berada pada peringkat umur antara 15 hingga 18 tahun, manakala 7.3% berada pada peringkat umur 18 hingga 21 tahun. Laporan Bahagian Belia, Kementerian Belia dan Sukan (dalam Sabitha Marican dan Mahmood Nazar, 1994) menyatakan hanya 24 peratus daripada jumlah keseluruhan belia (7.19 juta) di negara ini menyertai mana-mana persatuan belia. Adalah didapati golongan belia Melayu adalah di kalangan mereka yang paling kurang menjalankan aktiviti berpersatuan.

Masalah Pembelajaran

4.18 Masalah pembelajaran pelajar termasuklah kefahaman yang lemah, mudah lupa, tidak menumpu perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P), tidak mengambil bahagian dalam proses P&P, tidak membuat kerja sekolah langsung atau membuat kerja sekolah dengan kurang sempurna, lewat menghantar atau tidak menghantar langsung tugasan, malas mengulang kaji pelajaran, dan tidak membawa buku ke sekolah. Faktor-faktor ini menyebabkan pelajar lemah dalam pelajaran, malu untuk bertanya dalam kelas, bosan kerana tidak faham semasa P&P, rendah diri, tidak ada keyakinan untuk berjaya, ponteng kelas, dan kerap dimarahi guru (EPRD, 1994).

Kemahiran Asas dan Penguasaan Bahasa

4.19 Masalah pembelajaran juga dikaitkan dengan kelemahan kemahiran asas pembelajaran. Sebilangan besar kanak-kanak di luar bandar dan daripada keluarga sosioekonomi rendah tidak menghadiri langsung program prasekolah atau mengikuti program prasekolah yang rendah kualitinya *(*EPRD, *1994).* Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2002, m.s.2-10) melaporkan sebanyak 36 peratus kanak-kanak berumur 5+ tidak menyertai prasekolah pada tahun 2000. Kanak-kanak di luar bandar juga tidak dipupuk dengan kemahiran asas membaca dan minat membaca, mempunyai tahap penguasaan yang rendah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan mempunyai asas Sains dan Matematik yang rendah. Kelemahan ini berpunca dari peringkat awal lagi dan berterusan hingga ke peringkat menengah dan tertiari.

Kajian *longitudinal* ke atas kesediaan kanak-kanak memulakan pendidikan tadika oleh *U.S Department of Education* mendapati hampir separuh pelajar adalah

daripada keluarga *at-risk* berdasarkan pendidikan ibu bapa, status sosioekonomi, dan struktur keluarga. Kanak-kanak *at-risk* juga mempunyai taraf kesihatan yang lebih rendah, lebih agresif dan kurang adaptasi sosial serta tidak ramai yang mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran.

Lemah Konsep Kendiri

4.20   Antara ciri-ciri pelajar yang lemah konsep kendiri termasuklah tidak mempunyai cita-cita, tidak mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk lulus peperiksaan, mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang tidak bersekolah, menjadi liar kerana pengaruh tidak sihat kawan-kawan remaja di luar sekolah dan tidak pandai menguruskan masa sendiri, memberikan lebih tumpuan kepada aktiviti yang tidak menjurus kepada kecemerlangan akademik, dan terlibat dalam aktiviti salah laku (BPPDP, 1996).

4.21   Kajian Salah Laku Pelajar Sekolah (Abdullah Al-Hadi dan lain-lain, 2001) mendapati sebanyak 8035 kes salah laku telah direkodkan oleh pihak sekolah menengah dan tiga negeri menunjukkan kes salah laku yang tertinggi iaitu Johor, Selangor, dan Kedah. Kes salah laku yang dilaporkan termasuklah ponteng, perlakuan kurang sopan, dan jenayah. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kes salah laku adalah lelaki Melayu.

FAKTOR SEKOLAH

4.22   Selain rumah, sekolah merupakan tempat di mana pelajar banyak menghabiskan masa dalam sehari. Faktor sekolah seperti guru, hubungan sekolah dengan ibu bapa dan komuniti banyak mempengaruhi budaya belajar dan seterusnya kejayaan atau kegagalan pelajar dalam akademik.

Masalah Guru

4.23 Guru merupakan input pengajaran yang amat penting untuk memastikan kejayaan pelajar. Antara masalah guru yang digariskan oleh Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (KPM, 2002; m.s.2-14, 3-25) termasuklah kadar tukar ganti (*turnover)* yang tinggi terutama di kawasan luar bandar dan terpencil, kesukaran mencari guru ganti, guru bukan opsyen mengajar mata pelajaran kritikal, tidak menghadiri latihan dalam perkhidmatan untuk menambah pengetahuan serta beban tugas pengurusan pelajar yang semakin meningkat.

4.24 Selain itu pencapaian pelajar juga dipengaruhi oleh kaedah pengajaran yang masih lagi bersifat tradisional seperti terlalu banyak menggunakan kaedah syarahan kurang menarik minat dan perhatian malah membosankan pelajar, guru yang kurang komited dan kreatif, tiada hubungan yang akrab antara guru dengan pelajar, dan guru tidak membantu mengatasi masalah pelajar (KPM, 2002; m.s.3-22).

4.25 Kajian *The Malaysian Dropout Study Revisited* (Zainal Ghani, et.al., 1991) mendapati hubungan guru dengan pelajar yang tercicir adalah renggang. Sebanyak 62 peratus pelajar yang cicir menyatakan mereka tidak pernah meminta nasihat guru jika menghadapi masalah dengan kerja sekolah. Cuma 34 peratus pelajar cicir melaporkan mereka mendapat perhatian daripada guru tentang kerja sekolah. Pelajar cicir ini menyatakan guru sangat garang (23%) dan selalu menghukum mereka (14%). Kajian ini merumuskan guru kurang memberi sokongan dan perhatian kepada pelajar lemah tetapi lebih mementingkan kawalan dan disiplin.

Kurang Kemudahan Pembelajaran

4.26   Kekurangan prasarana, kemudahan pembelajaran, suasana pembelajaran yang tidak selesa, selamat, dan kondusif terutama di luar bandar merupakan antara faktor yang mempengaruhi pelajar berpencapaian rendah. Terdapat bangunan sekolah yang usang, atap bocor, dinding rosak, kerusi meja yang tidak bersesuaian dengan murid yang mempunyai saiz badan yang lebih besar, tiada asrama, dan tiada kemudahan asas atau kemudahan asas yang kurang memuaskan seperti gangguan bekalan air (KPM, 2002, m.s.2-13, 3-19 - 3-21). Tandas yang kotor dan selalu rosak juga menggalakkan pelajar melakukan aktiviti salah laku (Abdullah Al-Hadi dan lain-lain, 2001).

4.27   Lokasi sekolah yang kurang sesuai seperti persekitaran yang bising di tengah bandar dan sekolah yang terlalu jauh sehingga pelajar menghabiskan banyak masa dalam perjalanan mempengaruhi pembelajaran pelajar. Selain itu, saiz kelas yang besar terutama di bandar besar menyebabkan guru sukar memberi tumpuan individu dalam P&P. Sekolah juga kurang memberi tumpuan kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta pemupukan kemahiran belajar, budaya kecemerlangan, budaya penyayang, dan pembentukan sahsiah.

Tumpuan Kepada Peperiksaan

4.28   Keutamaan tinggi yang diberikan oleh sekolah kepada peperiksaan berbanding aspek lain pendidikan menyebabkan guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan kurang mementingkan kefahaman pelajar, kurang menggunakan alat bantu mengajar, dan kurang menggalakkan pelajar berbincang di dalam bilik darjah, dan (KPM, 2002, m.s. 3-22 - 3-24). Keadaan ini menyebabkan pelajar berasa bosan dan hilang minat untuk belajar (EPRD, 1992; BPPDP, 1997).

4.29 Selain itu, sistem pendidikan yang membolehkan pelajar terus ke peringkat yang lebih tinggi (*automatic promotion*) tanpa mengambil kira penguasaan 3M menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti perkembangan pelajaran. Keadaan ini mengakibatkan pelajar ponteng kelas atau terus tercicir kerana takut dimarahi guru, malu dengan rakan lain yang boleh menguasai kemahiran asas, bosan, dan hilang minat serta motivasi untuk belajar. Dapatan Kajian Kemampuan dan Keperluan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Berpencapaian Akademik Rendah (BPPDP, 1997) menunjukkan kebolehan pelajar ini dalam penulisan dan pengiraan adalah lemah. Mereka lambat menulis dan tulisan tangan buruk, lemah mengeja, perbendaharaan kata sangat terhad, dan tidak mampu menulis ayat sempurna. Dalam pengiraan pula, mereka didapati tidak memahami konsep dan ayat matematik serta tidak mengingati formula. Antara 20 – 40 peratus pelajar tersebut cuma mendapat 1D – 3D dalam PMR. Dapatan yang sama juga didapati dalam Kajian *A Study on Underachievement in Schools: The Case of Eight Secondary Schools in Selangor (EPRD, 1992).* Kajian ini melihat masalah kenaikan automatik daripada sekolah rendah ke sekolah menengah terutama pelajar yang kurang menguasai Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Matematik.

Pengurusan Sekolah

4.30 Pengurusan sekolah yang kurang berkesan terutama dalam kepimpinan pengajaran dan kurikulum, dan disiplin guru yang kurang memuaskan menyebabkan sekolah tidak efektif (EPRD, 1994). Kekurangan dana tambahan daripada sumber lain menyebabkan kebanyakan sekolah kebangsaan di luar bandar tidak dapat mempertingkatkan program ke arah kecemerlangan akademik dan pembangunan sekolah. Ini adalah kerana ibu bapa luar bandar tidak berupaya memberi sumbangan kewangan menyebabkan sekolah terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan. Keadaan ini juga menyebabkan pengurusan sekolah kurang

memberi perhatian kepada kebajikan pelajar terutama kepada keluarga yang tidak mampu membayar yuran, tambang pengangkutan, menghantar anak ke asrama, dan masalah lain yang dihadapi pelajar.

FAKTOR PERSEKITARAN

4.31   Faktor persekitaran termasuk tempat kediaman, peluang pekerjaan, peranan *role model*, serta faktor sejarah dan budaya boleh memainkan peranan bagi menggalakkan kejayaan ataupun kegagalan pelajar dan masyarakat.

Tempat Kediaman

4.32   Tempat kediaman yang sesak dan bising seperti rumah pangsa dan kawasan setinggan di bandar dan pinggir bandar tidak menyediakan suasana yang kondusif untuk pelajar menelaah, sebaliknya menjadi faktor penolak pada pelajar untuk membuang masa dengan melepak.

Peluang Pekerjaan

4.33   Peluang pekerjaan sambilan yang banyak menyebabkan pelajar Melayu mengabaikan pelajaran mereka tetapi keadaan ini tidak berlaku kepada pelajar Cina yang bekerja sambilan. Terdapat juga sebilangan pelajar Melayu yang terus bekerja selepas persekolahan daripada melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Kajian Kes Mengenai Keciciran di Sekolah Menengah (BPPDP, 1996) menunjukkan kemudahan memperoleh pekerjaan dari kilang-kilang yang berdekatan sekolah boleh mempengaruhi pelajar untuk meninggalkan bangku sekolah, khususnya bagi mereka yang memang bercita-cita untuk bekerja.

Role Model

4.34   Masyarakat di luar bandar, umumnya, tidak ada *role model* yang boleh memotivasikan pelajar Melayu untuk berjaya dan cemerlang dalam akademik (EPRD, 1994; BPPDP, 1996). Apa yang banyak mempengaruhi pelajar adalah rakan sebaya dan komuniti yang lebih mengutamakan hiburan dan keseronokan daripada pelajaran. Ini menyebabkan pelajar sanggup berhenti sekolah dan bekerja supaya dapat membeli barangan dan perkhidmatan yang membolehkan mereka menikmati keseronokan hidup dan mengikuti aliran fesyen serta bergaya.

Faktor Sejarah dan Budaya

4.35   Kesediaan menghadapi cabaran dan kelangsungan hidup (*survival)* di kalangan pelajar dan masyarakat Melayu adalah rendah berbanding kaum Cina yang mempunyai semangat kelangsungan hidup dan daya saing yang tinggi. Masyarakat Melayu kaya dengan peribahasa seperti "kalau genggam bara api biar sampai jadi arang", "alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan", "belakang parang diasah lagikan tajam", dan "sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit" tetapi tidak menghayati dan mengamalkannya untuk berjaya. Masyarakat Melayu juga mempunyai pemikiran *(mind-set)* yang berlainan dari segi pencapaian berbanding kaum Cina yang *achievement oriented, striving,* dan *acquisitive for success.* Menurut ahli falsafah Cina (dipetik oleh Shu Ya Zhang et. al.,1995):

> "Achievement consists of never giving up. If you start
> carving and then give up, you cannot even cut

through a piece of rotten wood; but if you persist
without stopping, you carve or inlay metal or stone.
Earthworms have no sharp claws or teeth, no strong
muscles or bones, and yet above ground they feast
on the mud, and below they drink at the yellow
springs. This is because they keep their minds on
one thing. If there is no dark and dogged will, there
will be no shining accomplishment; if there is no dull
and determined effort, there will be no brilliant
achievement."

Rumusan Punca Kelemahan Pencapaian Pelajar

4.36   Secara keseluruhan, kelemahan pelajar Melayu disebabkan budaya belajar
yang dipengaruhi oleh empat faktor utama iaitu keluarga, diri pelajar, sekolah,
dan persekitaran. Hakikatnya, orang Melayu perlu dan mesti mengubah sikap
dan pemikiran daripada yang negatif, ambil mudah, dan "tidak apa" kepada
yang lebih positif, bersungguh-sungguh dan berdaya saing, dan mempunyai
jati diri yang tinggi. Bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar Melayu,
strategi ke arah memperkukuhkan penguasaan kemahiran asas
pembelajaran dan perubahan minda pelajar dan masyarakat Melayu perlu
menjadi agenda utama semua pihak dan tumpuan khusus diberi kepada
orang Melayu miskin.

5.0   STRATEGI MENINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR MELAYU (MISKIN)

Konsep 4Celik

5.1   Telah begitu banyak diperkatakan tentang strategi memperkasa pelajar Melayu, memartabatkan sekolah kebangsaan, mempertingkatkan prestasi pelajar Melayu, namun tiada banyak perubahan berlaku kepada pencapaian pelajar Melayu. Apakah ini satu indikator bahawa perubahan memerlukan masa, atau ubat tidak menepati penyakit, atau tiada komitmen daripada pihak yang berkenaan? Fenomena hangat-hangat tahi ayam di kalangan masyarakat Melayu adalah cabaran pertama yang perlu dibendung.

5.2   Strategi untuk menangani pencapaian pelajar Melayu memerlukan anjakan *world view* penggubal dasar dan masyarakat Melayu. Dalam merangka langkah bagi menangani kelemahan pelajar Melayu, pelbagai pendekatan perlu dilaksanakan.

5.3   Kertas ini mengemukakan strategi Empat Celik (4Celik) serta garis panduan dalam menangani masalah pencapaian akademik pelajar Melayu. Strategi 4Celik merujuk kepada Celik Bahasa, Celik Angka, Celik Pembelajaran, dan Celik Minda. Setiap strategi akan dikupas berdasarkan kepentingan strategi ini ke arah mencapai kecemerlangan pelajar Melayu miskin khususnya dan kejayaan masyarakat Melayu amnya serta bagaimana strategi ini dapat direncanakan dalam sistem yang wujud sekarang ini.

5.4   Konsep 4Celik seperti dalam Rajah 2 menunjukkan budaya pelajar dipengaruhi oleh faktor diri, keluarga, sekolah dan persekitaran.   Untuk memupuk dan mengukuhkan budaya belajar, pelajar Melayu perlu menguasai 4Celik. Penguasaan 4Celik ini dijangka dapat menyelesaikan dapat menyelesaikan atau mengurangkan akar umbi masalah (*the root of the problem*) iaitu daripada buta huruf kepada celik huruf, daripada buta angka kepada celik angka, daripada buta belajar kepada celik belajar, dan daripada buta hati kepada celik minda. Strategi penguasaan 4Celik (strategi 4Celik) ini menjurus kepada menangani punca yang menjadi sebab penyebab kelemahan atau kurangnya budaya belajar pelajar. Faktor yang pelbagai dan saling hubung kait ini memerlukan strategi 4Celik yang juga

pelbagai, *multi-pronged*, dan berhubung kait serta melibatkan pelbagai jentera dan warga masyarakat Melayu.

Rajah 2: Konsep 4Celik Bagi Pemupukan Budaya Belajar

Celik Bahasa

5.5   Keupayaan berbahasa (*verbal ability)* banyak mempengaruhi pencapaian seseorang (Rogers, 2002; Stronge, 2002). Dari perspektif Islam, pendidikan Al-Quran adalah pendedahan utama kepada bahasa dan para ilmuan Islam percaya didikan menghafaz Al-Quran dapat menerangkan hati seseorang untuk menimba lebih banyak ilmu. Ini bermakna individu itu akan memperolehi celik angka, celik pembelajaran, dan celik minda jika ia celik bahasa.

5.6 Dalam sistem pendidikan Malaysia, prinsip yang berpegang kepada satu bahasa akan merugikan anak-anak Melayu. Anak-anak Melayu perlu didedahkan kepada seberapa banyak bahasa kedua yang boleh dipelajari. Penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan satu bahasa asing seperti Cina, Tamil, Jepun, dan Perancis akan membawa kepada generasi baru yang bukan sahaja mampu menjadi *global player,* tetapi juga berjaya mencungkil seberapa banyak ilmu yang wujud dalam budaya bahasa yang mereka pelajari.

5.7 Bloom (1987) menegaskan bahawa pembelajaran bahasa adalah *"profound...in all of humane learning"* (p.320). Pembelajaran bahasa adalah penting di kalangan kanak-kanak kerana terdapat kaitan rapat antara kebolehan membaca dan kebolehan matematik. Kebolehan bahasa seseorang juga berkait rapat dengan *verbal ability* dan antara langkah ke arah meningkatkan *verbal ability* ialah meningkatkan kemahiran bahasa melalui bacaan. Oleh itu, seperti yang sering diperkatakan oleh para ilmuan, kegemaran membaca, tabiat membaca, dan budaya membaca perlu diwujudkan bagi memantapkan celik bahasa.

Celik Angka

5.8 Kekurangan pelajar Melayu dalam bidang sains dan teknologi adalah berpunca daripada kurangnya penguasaan mereka dalam mata pelajaran matematik. Ini membatas penglibatan mereka dalam bidang sains dan teknologi terutamanya pada peringkat pengajian tinggi dan dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, penguasaan pelajar Melayu dalam pengiraan dan matematik harus dibentuk sejak dari awal lagi bermula pada peringkat prasekolah. Windham (1990) pula menegaskan bahawa *"At the early stages of education, it is assumed that literacy and numeracy skills are of substantial applicability in both the labour market and in the competition for access to further schooling (p.70)"*. Kajian mendapati kelemahan kanak-kanak dalam pengiraan dikaitkan dengan kelewatan

pertumbuhan, pengalaman yang terbatas, masalah bahasa, dan kelemahan-kelemahan dalam persepsi, motor, dan ingatan (Haskell, 2000).

5.9 Dalam masyarakat Jepun, (Christopher, 1984) prinsip hafalan sama dititikberatkan dengan kefahaman dan aplikasi maklumat. Kertas ini mencadangkan pendidikan matematik awal untuk pelajar Melayu diteguhkan dengan kemahiran hafalan (*memorization)* terutama bagi kemahiran asas seperti menghafal sifir di samping menekankan kefahaman, dan aplikasi maklumat. Di negara kita sendiri, salah satu sebab murid Cina lebih berjaya dalam matematik ialah kerana mereka menggunakan strategi hafalan di samping menekankan pendidikan pemulihan kepada pelajar lemah (BPPDP, 1992).

5.10 Salah satu strategi celik angka yang berkesan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran matematik ialah dengan memberi pelajar masalah dalam kehidupan sebenar agar mereka dapat memahami konsep matematik. Pengajaran konsep mesti dititikberatkan kerana kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai kefahaman konsep pada peringkat awal akan *"perform best on procedural knowledge later"* (www.npin.org/).

5.11 Selain itu, dapatan kajian TIMSS menunjukkan 90 peratus masa dalam kelas Matematik di Amerika Syarikat digunakan untuk prosedur rutin berbanding dengan kelas Matematik di Jepun yang menggunakan hanya 40 peratus masa untuk latihan prosedur rutin, 15 peratus mengaplikasikan prosedur dalam situasi baru, dan 45 peratus mereka cipta prosedur baru dan menganalisis situasi baru (www.npin.org/library/2002). Pelajar Jepun juga menghabiskan banyak masa di sekolah mempelajari matematik dan sains berbanding dengan negara perindustrian lain (Clammer, 1996).

5.12 Slavin (1990) merumuskan bahawa pembelajaran menggunakan kaedah kooperatif adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar

dalam matematik. Penyelidikan juga menunjukkan pengajaran yang menekankan *teaching for meaning* mempunyai kesan positif ke atas pembelajaran, termasuk *"better initial learning, greater retention and an increased likelihood that the ideas will be used in new situations."* Sowell (1989) mendapati penggunaan bahan konkrit dalam jangka masa panjang oleh guru dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan sikap mereka. Dari segi kurikulum pula, Cobb (1991) mendapati celik nombor dapat dipertingkatkan melalui *problem-centered curriculum* yang menekankan interaksi pelajar dan kaedah penjanaan penyelesaian *kendiri (student interaction and self-generated solution methods*). Melalui kaedah ini, hampir setiap pelajar membina pelbagai strategi untuk menyelesaikan pelbagai jenis masalah.

5.13   Kebanyakan pelajar miskin tidak mendapat bimbingan pelajaran di rumah. Dari segi ini, jurang akademik antara pelajar miskin dan kaya semakin meluas kerana rakan sebaya mereka yang lebih berada kerana rakan mereka mampu mendapat tuisyen. Berbeza dengan Amerika Syarikat, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka sangat diutamakan seperti *Family Math Program* yang disasarkan kepada ibu bapa. Program ini bertujuan memberi mereka keyakinan dan kemahiran untuk membantu anak mereka dalam matematik (Clinton, 1996).

5.14   Untuk celik angka, kehadiran murid ke sekolah adalah penting untuk menguasai kemahiran asas pengiraan dan matematik. Tumpuan perhatian dalam kelas serta keprihatinan guru adalah sangat kritikal. Guru perlu mengambil kira kefahaman dan pengetahuan murid ketika memulakan pelajaran dan jika perlu, melambatkan pertuturan atau mengulangi bahagian-bahagian tertentu dalam pelajaran itu. Guru perlu menggunakan banyak contoh bagi menerangkan konsep terutama konsep asas (Musa, et. al. 1994).

Celik Belajar

5.15   Celik belajar adalah kebolehan seseorang pelajar mengetahui bagaimana memperoleh dan memanfaatkan ilmu pengetahuan (*learn, unlearn, and relearn*). Kebolehan ini cuma boleh dikuasai jika seseorang pelajar itu memahami kepentingan pendidikan, mempunyai keinginan untuk menimba ilmu dan mempunyai sikap yang positif terhadap pencarian ilmu serta tahu bagaimana untuk belajar.

5.16   Celik belajar memerlukan strategi yang menggabung teori dan praktik, supaya guru dan pelajar dapat menyempurnakan proses pengajaran pembelajaran. Pelajar memerlukan pembelajaran yang merangkumi dunia yang lebih luas daripada apa yang berlaku dalam bilik darjah dan guru perlu menjadikan pengalaman sebenar pelajar sebagai inti pati setiap pelajaran.

5.17   Kesukaran untuk mencapai celik belajar juga dikaitkan dengan kelemahan pelajar Melayu yang mempunyai masalah *attention span*. Daya konsentrasi yang lemah berpunca daripada pengaruh diet atau pemakanan dan mempengaruhi kekuatan otak dan urat saraf, koordinasi, masalah pembelajaran dan kestabilan emosi (www.oilofpisces.com/ attentiondeficitdisorder/). Kajian Rancangan Makanan Tambahan (BPPDP, 1996) menunjukkan ketidaksesuaian menu yang diberikan dalam skim ini kepada pelajar miskin. Bagi menghadapi masalah *attention span* pelajar Melayu miskin, pakar *nutritionist* perlu menyediakan menu makanan kepada kantin sekolah. Kajian oleh Universiti Minnesota, Harvard, Pennsylvania dan Maryland mendapati pelajar yang mengambil sarapan pagi lebih sihat, berkelakuan lebih baik dan mencapai lebih tinggi dalam ujian matematik dan bacaan (www.mpr.org/features/). Ahli House dan Senate sedang mempertimbangkan cadangan pertambahan peruntukan USD 6 juta untuk memperluaskan program sarapan pagi.

5.18 Daya konsentrasi antara pelajar lelaki dan perempuan adalah berbeza. Kajian menunjukkan daya konsentrasi pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki (Zalizan dan lain-lain, 2001). Bagi mencapai celik belajar di kalangan pelajar lelaki, guru perlu lebih prihatin kepada pendekatan mengajar yang lebih sesuai kepada *"learning style of boys"*.

5.19 Celik belajar hanya boleh timbul apabila pelajar Melayu itu sendiri inginkan ilmu yang seterusnya mencetuskan hasrat untuk belajar. *"Nothing happens in school unless students want to learn"* (Gerstner et.al.,1994, p. 82). Untuk pelajar ingin belajar, elemen keseronokan belajar harus wujud. Di sekolah, guru sebagai agen perubahan perlu berupaya menjadikan pembelajaran satu pengalaman yang menyeronokkan (*make learning fun*).

5.20 Untuk celik belajar, kanak-kanak perlu berinteraksi dengan alam kelilingnya secara aktif dari awal lagi. Keadaan ini sukar diperolehi dalam masyarakat Melayu kerana ibu bapa yang tergolong dalam sosioekonomi rendah tidak memahami kaedah sosialisasi anak dan lebih gemar meninggalkan anak mereka dalam "jagaan" televisyen. Kajian Khadijah Rohani dan lain-lain (1998) menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih banyak terlibat dalam aktiviti duduk (sedentary) seperti menonton televisyen. Televisyen dibiarkan sentiasa terpasang kerana dianggap sebagai satu alat untuk melekakan anak-anak mereka. Pengarah perkhidmatan klinikal pediatrik di Children's Medical Center of Dallas menasihati:

Don't use TV as a babysitter...interact with your children, respect them, value them...but most important of all, get down there on the floor and play with them.

5.21 Strategi celik belajar perlu menggariskan pelan tindakan untuk memastikan pelajar bijak membezakan ilmu yang *"sublime and trash, insight and propaganda"* (Bloom, p. 64). Kecelikan ini amat penting dididik

terutama dalam menghadapi cabaran media hiburan dan media elektronik yang berleluasa di kalangan pelajar Melayu sekarang.

5.22 Celik belajar tidak semestinya hanya melalui pendidikan formal. Seseorang individu mesti mempunyai keinginan menimba ilmu dan bersedia untuk menerima daripada sesiapa sahaja dan daripada mana-mana sumber. Pendidikan sepanjang hayat perlu menjadi amalan untuk meningkatkan ilmu. Petikan berikut menjelaskan kenyataan ini.

> *In Taman Negara, there used to be a tour guide by the name of Halim, popularly known as "Professor Halim." He hails from Kg. Baru and hasn't been to college or university. But his knowledge about the jungle habitat, the flora and fauna, and the wild life is almost encyclopaedic. Tourists far and wide used to marvel at his level of knowledge. When asked, he would explain: "I have been around here for many years. I am even adopted by one of the orang asli tribes in the deep jungle. My mind is like a Chinese tea-cup. I am always thirsty (for knowledge). Whenever the cup is half full, the good tea-lady keeps pouring more tea up to the brim, and the cycle never stops. The same way, when experts on wild life, botany, or the ecology come here, I never fail to talk to them and make it a point to ask a lot of questions. Over the years, even without much formal education, I have come to apply the knowledge I've learnt to know more about the wealth of secrets in Taman Negara—the oldest forest in the world. I am proud of it. " (excerpt from Ismail Noor and Muhammad Azaham, 2000, p.105).*

Celik Minda

5.23 Celik minda adalah kebolehan untuk berfikir secara positif, kreatif, dan terbuka; mengawal emosi; dan menggalakkan motivasi pencapaian (*achievement motivation*). Bagi mencapai celik minda, sistem pendidikan kebangsaan perlu

merangka ketiga-tiga Strategi Celik yang dikupaskan tadi. Melalui celik bahasa, celik angka dan celik pembelajaran, barulah seseorang individu berupaya mencapai celik minda.

5.24 Usaha Kementerian Pelajaran ke arah penerapan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif perlu dilihat sebagai usaha untuk mencelikkan minda pelajar. Terenzini (1995) mendapati faktor disiplin, pengalaman pembelajaran dalam bilik darjah dan luar bilik darjah mempengaruhi kemahiran berfikir. Tarigan (1990) menyatakan keupayaan berfikir berkait rapat dengan keupayaan berbahasa. Ini adalah kerana proses kognitif dalam bacaan membantu pembaca mengorganisasi, menginterpretasi dan menghubungkan pertalian dengan maklumat baru bagi menjalin makna. Oleh itu, ke arah Celik Minda, faktor bahasa dan kemahiran berfikir di kalangan pelajar Melayu perlu dititikberatkan.

Bloom (1987) menyatakan bahawa sesuatu pujian yang amat bermakna kepadanya sebagai seorang profesor datang daripada pelajarnya yang dalam lawatannya ke Itali menghantar sekeping poskad yang tertulis, *"You are not a professor of political philosophy but a travel agent"* (p.63). Bagi Bloom, kata-kata tersebut telah menyempurnakan peranannya sebagai seorang pendidik. Pelajarnya berpendapat Bloom:

> *prepared him to see. Then he could begin thinking for himself with something to think about. The real sensation of Florence in which Machiavelli is believable is worth all the formulas of metaphysics ten times over. Education in our times must try to find whatever there is in students that might yearn for completion, and to reconstruct the learning that would enable them autonomously to seek that completion. (p.63)*

5.25   Dalam usaha mencelikkan minda pelajar Melayu dan masyarakat Melayu, keperluan kepada *role model* Melayu yang berjaya tidak boleh diperkecilkan. Pelajar luar bandar dan pelajar miskin paling ketandusan bimbingan dan cita-cita. Hidup mereka sentiasa di kalangan mereka yang senasib dan dengan itu sukar untuk melihat peluang mereka keluar daripada serba kekurangan. Umpamanya, mereka tidak tahu pakar bedah jantung yang ulung di negara ini adalah orang Melayu, mereka tidak tahu seorang *international negotiator* yang berjaya adalah orang Melayu, dan mereka tidak tahu bahawa hakim yang sangat *knowledgeable* dan menjadi *icon* kepada profesion kehakiman Malaysia adalah orang Melayu. Oleh itu, segala usaha perlu ditumpukan agar anak-anak Melayu memperoleh gagasan kejayaan dan cita-cita yang lebih tinggi.

5.26   Sifat cintakan ilmu dapat membuka minda seseorang. Contohnya, mencintai ilmu menyebabkan seorang buta, Abul Hasan at-Tamimi, memperoleh ilmu hanya melalui pendengaran sahaja sehingga menjadi ulama fiqh mazhab Shafi'e yang terkenal. Kejayaan dan ketinggian ilmu oleh beberapa tokoh Islam diberi contoh jelas oleh Wan Mohd. Nor (1988) dan memperlihatkan kecelikan minda para ilmuan bertitik tolak daripada sifat cintakan ilmu. Pelajar Melayu perlu mencontohi bagaimana para ilmuan awal menimba ilmu walaupun dalam suasana perang, kemiskinan dan kekurangan kemudahan, dan berpindah-randah. Imam Shafi'e seorang anak yatim dan datang dari keluarga miskin. Beliau menghafal al-Quran ketika berumur 10 tahun dan layak membuat fatwa ketika berumur 15 tahun. Beliau menghabiskan satu pertiga malam untuk belajar. Imam Fakhruddin al-Razi mengalami banyak kesusahan ketika belajar kerana kemiskinan tetapi berjaya juga kerana bantuan rakan-rakan.

5.27   Perancangan dan pembangunan celik minda pelajar Melayu perlu mencontohi proses pendidikan Jepun yang bukan sahaja meliputi penerimaan fakta tetapi juga melibatkan kaedah sosialisasi menyeluruh yang menekankan kerjasama,

pencapaian matlamat kumpulan, dan etika nilai asas seperti kejujuran dan kekemasan.

6.0   APAKAH LANGKAH SETERUSNYA?

If you do not know where you are going, any road will take you.

6.1   Strategi 4Celik yang digariskan memerlukan pelan tindakan yang konkrit, munasabah, dan berkesan serta dilaksanakan dengan bersepadu, bersungguh-sungguh, dan berterusan. Fokus pembangunan pelajar Melayu yang berpaksikan perkembangan bahasa, angka, pembelajaran dan minda akan membentuk budaya belajar dan menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar serta pada akhirnya menghasilkan individu Melayu yang berilmu pengetahuan. Dalam memperincikan pelan tindakan, beberapa perkara perlu diberi tumpuan dalam menggembleng peranan ibu bapa/keluarga, guru dan sekolah, persekitaran, dan diri pelajar bagi memupuk dan mengukuhkan budaya belajar pelajar Melayu.

Peranan ibu bapa/keluarga

6.2   Peningkatan literasi di kalangan kanak-kanak dapat dilaksanakan melalui pengenalan huruf, kekerapan mereka dibaca buku, kebolehan mereka mengenal nombor, bentuk, dan memahami saiz objek secara relatif. Peranan ibu bapa/keluarga di awal tahun pembesaran anak-anak mereka sangat penting dan kerajaan perlu memastikan hakikat ini difahami oleh semua ibu bapa Melayu. Peranan ibu bapa/keluarga yang dicadangkan di bawah adalah penting dan tidak boleh dianggap remeh kerana negara-negara yang telah melaksanakan program ini menunjukkan jaminan kejayaannya.

a. Persekitaran keluarga termiskin tidak menyediakan peluang yang mencukupi dan suasana yang kondusif bagi perkembangan maksimum aspek motor, kognitif, dan sosioemosi anak-anak sejak dari kecil. Ibu bapa perlu berusaha menyediakan peluang dan suasana pembelajaran yang mencakup aspek-aspek berikut:

- perkembangan kognitif (melalui permainan dan kemahiran bahasa, pemilihan program televisyen, aktiviti membaca kepada anak-anak, dan komunikasi dengan anak, dan latihan kemahiran hidup);
- kebersihan dan perkembangan fizikal;
- perkembangan sosioemosi (perkembangan *bonding/attachment*, tingkah laku sosial, dan kawalan kendiri);
- amalan nilai budaya dan agama; dan
- pendidikan literasi keluarga.

b. Ibu bapa miskin amnya tidak mempunyai kemahiran keibubapaan. *Parent outreach* perlu dijadikan satu program utama komuniti dan melibatkan semua agensi berkaitan. Program ini perlu mengelola topik kemahiran keibubapaan seperti disiplin, proses mendidik dan membesarkan anak-anak, aktiviti menyediakan bahan permainan, pembelajaran dan kemudahan untuk belajar, hinggalah kepada kaedah penyelesaian masalah kendiri dan menyemai rasa *empathy*. Ibu bapa perlu menyertai program dan aktiviti yang dikelolakan.

c. Umumnya, ibu bapa miskin tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Program literasi perlu disediakan dan mencakup aspek-aspek berikut:

- bentuk pengajaran untuk ibu bapa itu sendiri;
- bentuk pengajaran yang dirancang untuk anak;
- jenis sokongan yang disediakan untuk ibu bapa; dan

- menyediakan program yang membolehkan ibu bapa berinteraksi dengan anak secara langsung.

d. Ibu bapa dan sekolah tidak menjalin hubungan yang erat untuk membentuk sahsiah pelajar. Peranan ibu bapa dan sekolah *(home-school liaison)* perlu dijalin ke arah membentuk sahsiah seseorang pelajar. Antara program yang boleh dijalankan ialah pusat sumber ibu bapa, *school-van house call*, dan ibu bapa melibatkan diri di sekolah.

Peranan Guru Dan Sekolah

6.3 Faktor guru dan sekolah sebagai indikator penting keberkesanan sekolah dan pencapaian pelajar. Dalam meramalkan tahap pencapaian individu, pengaruh demografi tidak sekuat pengaruh variabel kualiti guru seperti *full certification and a major degree in the field.*

a. Bagi memastikan peranan guru yang berkesan, latihan perguruan perlu memperkukuhkan kualiti guru dari segi:
   - *verbal quality* (kualiti verbal);
   - *content knowledge* (ilmu);
   - *teaching methods* (metodologi pengajaran);
   - *teaching behaviors* (kemahiran pemilihan bahan pengajaran);
   - pembelajaran profesional kendiri;
   - minat belajar; dan
   - kemahiran menyoal.

b. Salah satu faktor yang menjadi penyebab pencapaian rendah pelajar Melayu ialah kelemahan mereka dalam memilih kombinasi subjek ketika memasuki tingkatan empat. Antara lain, ini adalah kerana program bimbingan dan kaunseling kerjaya jarang dititikberatkan. Pelajar Melayu pada amnya tidak

mempunyai pelan kerjaya yang jelas sehingga merumitkan mereka dalam membuat keputusan yang kian penting dalam menggariskan peluang masa depan mereka. Sekolah berperanan membantu pelajar mencapai celik belajar dan celik minda dari segi membantu pelajar memilih kombinasi mata pelajaran.

c. Sekolah sekarang lebih mengutamakan peperiksaan. Sekolah dan sistem pendidikan mementingkan fakta dan mencurahkannya balik dalam peperiksaan tanpa menekankan kefahaman dan penguasaan kemahiran. Penilaian berdasarkan sekolah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana masyarakat am dan masyarakat sekolah lebih mengutamakan sistem penilaian secara berpusat dan peperiksaan mengikut norma. Tugas yang utama dalam memperkasa pelajar Melayu ialah membangunkan kemahiran fundamental yang diperlukan bukan sahaja untuk pendidikan tetapi juga untuk pekerjaan. Kemahiran berikut telah dikenal pasti sebagai *"the most distinct marketable skills"*:

- *verbal ability, verbal skill, reasoning ability, critical thinking skill, idea generation ability, quantitative ability, math knowledge, and math skill;*
- *technical/scientific cluster yang meliputi technical design skill, science skill, engineering and technology knowledge, and physics knowledge;*
- *human service skill includes customer/personal service knowledge and human service skill;*
- *administrative/management cluster includes management skill and administration/management knowledge; and*
- *medical skill includes two types of knowledge: medical/dentistry and biology (www.mnwfc.org/lmi/pub1/mms/).*

d. Sekolah dan guru dapat membina daya ketahanan pelajar Melayu iaitu *insight, independence*, perhubungan, inisiatif, kreatif, humor, dan bermoral melalui beberapa cara:

- Guru melibatkan pelajar dalam menaksir kerja pelajar dan membina matlamat diri. Guru tidak seharusnya menilai kertas ujian sahaja, tetapi juga memberi maklum balas yang membina. Maklum balas dapat membantu pelajar mempertimbang kualiti tugasan mereka, fikirkan apa yang telah dipelajari, dan bagaimana prestasi mereka berbanding dengan ekspektasi.

- Guru melibatkan pelajar dalam membina piawai bagi kerja pelajar. Guru boleh menerangkan pada peringkat awalnya apa yang diperlukan daripada tugasan yang diberi dan mengajak pelajar menentukan piawai yang perlu dicapai. Dengan ini, pelajar boleh mengatasi kekecewaan mereka kerana mengetahui bagaimana mereka dinilai.

- Guru menyediakan pelbagai peluang untuk pelajar bekerja secara kolaboratif. Pelajar belajar membina persahabatan dan *relationships* apabila bekerja secara kumpulan dan belajar bergilir, berkongsi, memberi dan mendapat bantuan, dan mendengar pendapat kawan mereka.

- Guru melibatkan pelajar dalam mesyuarat untuk menyelesaikan masalah bilik darjah. Masalah seperti *being first at something*, "melanggar" ruang seseorang lain, atau mengambil barangan kawan dapat diselesaikan bukan oleh guru tetapi dengan mengajak pelajar untuk bersama-sama menyelesaikan masalah ini. Cara ini akan melahirkan inisiatif di kalangan pelajar untuk berkongsi idea dan mendengar pendapat orang lain.

- Guru menyediakan peluang kepada pelajar untuk membuat pilihan tentang tugasan mereka.

- Guru menyediakan suasana yang membolehkan pelajar merasa *connected* dalam bilik darjah yang berstrukturkan komuniti. Sesuatu kelas perlu distruktur secara satu masyarakat, bukan satu hierarki bercorak *authority*. Sebagai satu masyarakat, semangat kumpulan akan timbul.

- Guru menyediakan peluang bagi pelajar memainkan peranan aktif dalam menentukan peraturan dalam bilik darjah. Perbincangan tentang peraturan membantu mereka untuk menimbangkan kesan dan akibat serta membuat refleksi terhadap konsep keadilan, sebab-sebab peraturan perlu, dan

bagaimana peraturan diaplikasi. Membina peraturan membantu pelajar menjadi bertanggungjawab terhadap tingkah laku mereka, terhadap kawan mereka dan terhadap kumpulan mereka.

e. Pelajar Melayu kini dikaitkan dengan pelbagai salah laku yang berleluasa di dalam dan luar sekolah. Sekolah berperanan membangunkan satu ethos yang dapat membantu pelajar menjadi insan yang sempurna. Strategi 4Celik perlu mengambil kira perkembangan sahsiah pelajar Melayu. Ke arah ini pelbagai tindakan boleh diambil seperti memastikan pelajar Melayu terlibat dalam kerja kebajikan (khidmat sukarela di rumah orang tua; mengajar pelajar yang lebih muda; kegiatan-kegiatan memelihara alam sekitar dan seumpamanya).

Peranan Masyarakat/Komuniti

6.4   Komuniti Melayu perlu meluangkan masa untuk hadir ke sekolah dan membaca serta melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sekolah. Sebagai contoh, dalam program *Everybody Wins!* di US*,* pada masa makan tengahari ahli profesional daripada Kongres, ahli perniagaan, dan nonprofit groups akan bertindak sebagai mentor dan membaca kepada pelajar kurang beruntung dan kurang mahir membaca. Program ini bertujuan untuk melahirkan rasa cintakan buku dan belajar dan menanam sikap positif kepada membaca (www. everybodywins.dc.org).

6.5   "*Putting children first*" perlu menjadi pegangan hidup masyarakat kita. Seseorang anak bersifat *reciprocal* dalam hubungan dengan ibu bapa. Sungguhpun kanak-kanak berada dalam lingkungan keluarga mereka yang bertanggungjawab kepada pembesaran mereka daripada kanak-kanak sehingga

dewasa, namun institusi keluarga terletak dalam lingkungan yang lebih besar meliputi jiran, sekolah, masjid, tempat kerja, komuniti, budaya, ekonomi, masyarakat, negara, dan dunia yang mempengaruhi kanak-kanak secara langsung atau melalui kesejahteraan keluarga mereka. Seseorang anak adalah tanggungjawab sosial (anak kepunyaan komuniti – *it takes a village to raise a child*)

6.7   Pembasmian kemiskinan masyarakat Melayu perlu menjadi teras dalam memupuk dan memperkukuh 4Celik. Ini adalah kerana:

"Poverty has many faces. It is much more than low income. It also reflects poor health and education, deprivation in knowledge and communication, inability to exercise human and political rights and the absence of dignity, confidence, and self-respect" (United Nations Development Programme, 1997, p.iii).

6.8   Masyarakat Melayu mudah berpuas hati dengan kadar literasi yang mencapai 93.9% (2001) dan kadar penyertaan sekolah rendah pada 96.8% (2000). Malangnya di sebalik statistik tersebut, hakikatnya masih ada masyarakat Melayu yang gagal menyekolahkan anak mereka kerana miskin. Kajian menunjukkan kemiskinan adalah salah satu punca utama keciciran (BPPDP, 1984, 1996, 2000). Kerajaan serta jentera pertubuhan/kesatuan/badan Melayu bukan kerajaan perlu bekerjasama melaksanakan strategi bukan sahaja membasmi kemiskinan tetapi juga memperkasa masyarakat Melayu.

6.9   Kemiskinan melemahkan badan kerana kekurangan zat makanan. Kemiskinan adalah satu malapetaka yang memerlukan perang yang hebat untuk membasminya. Pada alaf baru ini, masih ada rakyat Malaysia yang tidak mempunyai makanan yang cukup untuk anak mereka. Masih ada yang mengharapkan bantuan jiran memberi mereka makan. Kemungkinan *"urban poverty"* yang wujud di tengah bandaraya Kuala Lumpur lebih

berleluasa daripada yang dijangkakan. Pelajar harus dibantu bukan sahaja dengan memberi mereka yang layak biasiswa, tetapi juga memastikan mereka mempunyai kesihatan daripada pemakanan yang berzat dan mencukupi. Bantuan makanan tambahan, pemberian vitamin, *school lunch*, dan *meals-on-wheels* adalah antara pelan tindakan yang perlu dipertimbangkan.

6.10   Setiap ahli masyarakat seharusnya memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Kes sumbang mahram, ponteng, mengandung luar nikah, dan lain-lain salah laku boleh ditangani melalui penglibatan aktif masyarakat sekeliling. Masyarakat Melayu tidak boleh mengharapkan orang lain dan menuding jari dalam menghadapi kes yang berlaku di sekeliling mereka. Sehingga kini, wadah utama penglibatan masyarakat adalah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru dalam peranan yang begitu terhad. Kerajaan juga perlu bertindak segera dalam merencanakan dasar untuk melibatkan masyarakat dalam pendidikan anak-anak Melayu.

Peranan Pelajar

6.11   Celik tidak akan diperolehi tanpa pelajar menyedari peranan utama sendiri dalam penguasaan ilmu pengetahuan untuk mencapai kecemerlangan akademik.

- Pelajar perlu mengulang kaji sebelum pelajaran, konsentrasi semasa pelajaran, dan mengulang kaji selepas pelajaran.
- Pelajar perlu berperanan untuk menghampiri ibu bapa mereka dan cuba menarik perhatian ibu bapa mereka terhadap pelajaran mereka di sekolah. Ibu

bapa yang sibuk memerlukan kesungguhan anak, sekolah dan masyarakat untuk mengejutkan mereka terhadap tanggungjawab mereka.

▪ Pelajar perlu mempunyai sifat malu untuk melakukan perkara negatif seperti malas, ponteng kelas/sekolah, tidak pentingkan masa, melakukan aktiviti yang "tidak berfaedah", dan tidak menghormati guru.

7.0   PENUTUP

7.1   Ayat pertama dalam Al-Quran yang diturunkan memperlihatkan kepentingan ilmu. IQRA adalah satu ajakan untuk manusia menuntut ilmu. Mengapa masyarakat Melayu tidak menyahut seruan ini? Mengapa pelajar Melayu tertinggal dalam mengejar ilmu? Mengapa guru tidak pentingkan perkembangan ilmu pelajar mereka (dan mereka sendiri)? Mengapakah masyarakat gagal memupuk budaya belajar dan ilmu? Apakah dasar Kerajaan ke arah menangani isu masyarakat yang ketandusan ilmu? Mengapakah pelajar Melayu (miskin) masih kurang cemerlang dalam pencapaian akademik?

7.2   Tiba masanya kita sebagai orang Melayu untuk bersama - sama memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mendidik anak Melayu dan masyarakat Melayu terutama yang miskin. 4Celik perlu diperolehi oleh setiap anak Melayu melalui strategi yang dirangka dan dilaksanakan menerusi pelan tindakan yang lebih konkrit dan terperinci. Kita perlu bertindak sekarang kerana kita tidak ingin isu kemiskinan menjadi faktor penghalang kemajuan dan kejayaan anak Melayu. Kertas konsep ini juga tidak akan berjaya mengubah *mind-set* orang Melayu jika mereka sendiri tidak ingin berubah. Tetapi apa yang diutarakan dalam kertas konsep ini adalah untuk membantu pelajar Melayu miskin daripada pelbagai segi iaitu minda mereka, persekolahan, pegangan nilai, dan minda masyarakat Melayu sendiri.

_

_

Bibliografi

Abdullah Al-Hadi Hj. Muhamed, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, Mansor Abu Talib, Tan Jo-Pei, Asnarulkhadi Abu Samah, Amna Md. Noor. (2001). Ringkasan Eksekutif. Kajian Salah laku Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah dan Rendah: Implikasi untuk Polisi. Tidak diterbitkan (Kajian anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putera Malaysia.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan-BPPDP (1992). Kajian penilaian perlaksanaan mata pelajaran Matematik di sekolah rendah.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1996). Kajian pengesanan pelaksanaan Program Rancangan Makanan Tambahan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin Kementerian Pendidikan.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1996). Laporan kajian kes mengenai keciciran di sekolah menengah.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan-BPPDP (2001a). Dapatan awal penilaian program intervensi oleh Jabatan Pendidikan Negeri bagi menangani masalah keciciran di sekolah menengah.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan-BPPDP (2001b). Memperkasa Pencapaian Akademik Pelajar Melayu. Kertas Kerja yang tidak diterbitkan.

Blackie, J. (1968). Primary education. In Looking forward to the Seventies: A blueprint for education in the next decade. Peter Bander (Ed.). Colin Smythe Ltd. Buckinghamshire (pp.145-152).

Bloom, A. (1987). The closing of the American mind. Simon & Schuster Inc., New York.

Christopher, R.C. (1984). The Japanese mind: The goliath explained. Pan books. London.

Clammer, J. (1996). Values and development in South-east Asia. Pelanduk Publications, Malaysia.

Clinton, H.R. (1996). It takes a village and other lessons children teach us. Simon & Schuster, New York.

Cobb, P. et. al. (1991). Assessment of a problem-centered second grade mathematics project. Journal for Research in Mathematics Education, 22, pp. 3-29.

Darling-Hammond, L. (2000). Teacher quality and student achievement : A review of state policy evidence. Education Policy Analysis Archives, 8 (1). Available at www.olam.ed.asu.edu/epaa/v8n1/

Educational Planning and Research Division-EPRD (1994). Drop- out and low achievement—Case studies in selected primary schools in Malaysia.

Educational Planning and Research Division-EPRD (1994). Drop- out and low achievement—Case studies in selected primary schools in Malaysia.

Frances Penafort-Ponnu et. al. (1995). Do Students Fully Realise Their Inherent Qualities of Good Self-Image, Motivation, and Goal Setting? BRC Journal, Institut Teknologi Mara dlm Zulkifli bin Abdullah. (1997). Hubungan Latar Belakang, Komitment Guru dan Pelajar dengan Kecemerlangan Akademik. Tesis Ijazah Pertama, Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.

Gerstner, L.V., Semerad, R. D., Doyle, D. P., & Johnston, W.B., (1994). Reinventing education : Entrepreneurship in America's public schools. Penguin, New York.

Harp, L. (1993). School-spending patterns can influence student achievement, New data suggests. Education Week, March 24.

Haycock, K. (1998). Good teaching matters...a lot. Thinking K-16, 3 (2), pp.3-14.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). Pembangunan Pendidikan 2001-2010. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.

Khadijah Rohani Mohd. Yunus (ed.) et.al. (1998). Peningkatan kemahiran keibubapaan: Intervensi awal terhadap keluarga termiskin. Laporan penyelidikan, Universiti Malaya UNICEF-INFRA. Dokumen tidak diterbit.

Leong Yin Ching, Cheong Siew Yoong, Chew Sing Buan, Suradi Salim, T. Marimuthu, Abdul Aziz Abdul Talib, AbdulRahman Abdul Rashid, dan Lily Chew Suk-Men. (1990). Factors Influencing the Academic Achievemen of Students in Malaysian Schools. Executive Summary Presented to the Educational Planning and Research Division, Ministry of Education.

Lumsden, L.S. (1994).   Student Motivation to Learn.   ERIC Digest 92.
  http://eric.uoregon.edu/publications/digests/digest092.html.

Marshall C. & Rossman. G.B. (1995). Designing Qualitative Research. Second
  Edition. California:Sage Publication.

Meier, D. (1996). The power of their ideas: Lessons for America from a small
  school in Harlem. Beacon Press, New York.

Mohamad Daud Hamzah.   (1994).   Perkembangan Kanak-kanak dan
  Pembelajaran. Kuala Lumpur:Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Morse, J.M. ed. (1994). Critical Issues in Qualitative Research Methods.
  California:Sage Publication.

Musa Mohamed, Jaohari Mohd. Nordin, Bahiyani Abd. Aziz (1994). Kajian
  prestasi matematik murid Melayu di luar bandar. Laporan Kajian Tindakan di
  bawah Programme for Innovation, Excellence and Research.

Rogers, K. (2002). A study of 241 profoundly gifted children. At
  www.gifteddevopment.com/

Rose, R., (1999). Children's rights and adult responsibilities. In An introduction to
  the study of education. Matheson, D., & Grosvenor, I., (Eds.). David Fulton
  Publishers, London (pp. 59-69).

Sabitha Marican dan Mahmood Nazar Mohamed. (1994). Fenomena Keruntuhan
  Akhlak Remaja: Tren, Punca dan Penyelesaian. Jurnal Kebajikan Vol. 16 No.
  1, Jun 1994. http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/jurnal/dis99-1.htm

Slavin, R.E. (1990). Student team learning in mathematics. In N. Davidson (Ed.),
  Cooperative learning in math: A handbook for teachers. Allyn & Bacon, Boston
  (pp.69-102).

Shu Ya Zhang, Angela I. C. (1995). Chinese Parents' Influence on Academic
  Performance. http://www.ncbe.gwe.edu.

Siwar, Chamhuri. (2005). Pembasmian Kemiskinan: Satu Penilaian Kritikal Ke
  arah Pemantapan Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian. Dibentangkan
  dalam Bengkel Penyediaan Pendektan Bersepadu Pembasmian Kemiskinan
  RMKe-9 di Pusat Konvensyen Anatrabangsa Putrajaya pada 28 Julai 2005.

Sowell, E.J. (1989). Effects of Manipulative Materials in Mathematics Instruction. Journal for Research in Mathematics Education, 20, pp. 498-505.

Tarigan, H.G. (1990). Membaca dalam kehidupan. Bandung. Penerbit Angkasa.

Terenzini, P.T., Springer, L., Pascarella, E.T., & Nora, A. (1995). Influences affecting the development of students' critical thinking skills. Research in Higher Education, 36 (1), pp. 23-39.

The Sun. (22 Mei 2002). Neglect of ex-wives, children baffles Sharizat.

Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1988). Budaya ilmu : Konsep, Prasyarat dan Perlaksanaan di Malaysia. Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.

Windham, D. M., (1990). Indicators of educational effectiveness and efficiency: Improving the efficiency of educational systems. Florida State University.

Zainal Ghani, Haris Md. Jadi, dan Ng Khar Thoe. (1991). The Malaysian Dropout Study Revisited. Science University of Malaysia.

Zalizan Jelas et.al. (2001) Kajian prestasi pelajar lelaki dan perempuan dalam sistem pendidikan Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zarinah Arshat dan Rozumah Baharudin. (1999). Perkaitan Di Antara Faktor Sosioekonomi dan Pencapaian Akademik Anak. Jurnal Kebajikan Vol. 21 No. 2, Dis 1999. http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/jurnal/dis99-1.htm

Zulkifli bin Abdullah. (1997). Hubungan Latar Belakang, Komitment Guru dan Pelajar dengan Kecemerlangan Akademik. Tesis Ijazah Pertama, Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.

CHOICE OF TEACHING METHODS: TEACHER-CENTRED OR STUDENT-CENTRED

Fauziah Bt.Ahmad
Parilah Mohd Shah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Samsuddeen Abdul Aziz
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRACT

Language and literature teachers are entrusted with a huge responsibility of developing language and communication skills among their students. For maximum input, the best teaching approach is the learner-centred teaching approach. However, the potential to explore the learner-centred teaching approach is rather challenging in our Malaysian classrooms. The nature of our students with attributes such as limited language proficiency, lack of confidence, negative attitude and motivation, etc. towards learning English language and literature and the culturally oriented norm with a long tradition of unconditional obedience to the authority hinder the learner-centred teaching approach. Because of these circumstances, the move to make students to become independent learners is somehow hampered. Ideally, it is best to employ the learner-centred teaching approach in the classrooms. But the culture inherent in us and the nature of our students only permit us to use the teacher-centred teaching approach or a mixture of both learner-centred and teacher-centred approaches when necessary. Thus, a complete departure from the traditional teacher-centred and text-book driven teaching, to that of a learner-centred teaching to create independent learners do not seem encouraging in our second language setting.

Introduction

Teachers' immediate concern when discussing the choice of teaching method focuses on who the learners are, what their current level of language proficiency is, what sort of communicative needs they have, and the circumstances in which they will be using English in the future (Richards & Rodgers, 1986). The needs, goals and abilities of

learners vary and must be determined before decisions about method can be made (Richards & Rodgers, 1986).

Answers to such enquiries can be made before any program design can be established. The teachers normally decide the choice of teaching activities, teaching methods, teaching materials and learning activities after observing the actual needs of the students. Teaching methods and instructional strategies used are the teachers' means and ways to help students clarify and understand the texts. These exercise types and activities are compatible with a communicative approach such as information sharing, negotiation of meaning and interaction (Richards & Rodgers, 1986). The roles of teachers in implementing teaching strategies are two-fold. Richards and Rodgers (1986) posit that the first role is to facilitate the communication process among students in the classroom, and between the various activities and texts. The second is a guide which can be used within the classroom procedures and activities where teachers become the facilitators of learning.

It is important to select appropriate teaching methods because these determine the effectiveness and quality of the teaching. A study was conducted by Witcher and Onwuegbuzie (1999) to determine pre-service teachers' perceptions on the characteristics of effective teachers. The participants (pre-service teachers) comprised 219 students from a Mid-Western university in the United States. These students were administered a questionnaire asking them to define characteristics they believed excellent teachers possessed or demonstrated. Results of this study revealed the characteristics considered to be effective by the pre-service teachers. The characteristics which are ranked in order of importance are shown in Table 1 as follows:

Table 1: Characteristics That Reflect Effective Teaching

Characteristics	Endorsement Rate
Student-centredness	79.5
Enthusiasm for teaching	40.2
Ethics	38.8
Classroom and behaviour management	33.3
Teaching methodology	32.4
Knowledge of subject	31.5

Source: Witcher & Onwuegbuzie, 1999

As can be observed from Table 1, 32.4% of the students endorsed appropriate teaching methodology as one of the factors that determined the effectiveness of teaching. Student-centred learning was ranked the highest, at 79.5% and teacher's enthusiasm for teaching came in second at 40.2%. Student-centred learning is important as it enables learners to participate and promote ideas, which will consequently give them self-confidence.

Mackey (1969), a prominent advocate of language teaching analysis, alleged that methods determine the 'what' and 'how' of language instruction. Method seems to be the reason for the success or failure in language learning. In contradiction to this, he is also of the opinion that when there is a will to learn, the quality of the learner counts. If the learners are already good, proficient and intelligent, whatever method is presented to them will not make any difference. The other view is that the only important element is the teacher. In the hands of a creative and effective teacher, method will not become a crucial determiner. However, if the teachers' creativity had not reached the appropriate learning outcome and if the method was used, this would not derive much benefit either. Therefore, teachers would still need to use effective methods in the class. Simultaneously, not all effective methods can be realised in the hands of a mundane

teacher. Thus, when it comes to achieving the target outcome, teachers, students and methods are inter-dependent on each other so as to allow maximum learning.

Pada tahun 1984 KPM telah mengeluarkan sebuah buku Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah. Di dalamnya terkandung segala panduan yang meliputi konsep, falsafah, etika dan preskripsi fungsi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Jenis-jenis perkhidmatan yang telah

dikenalpasti terkandung di dalam buku Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kauseling di Sekolah Menengah ialah: 1) Perkhidmatan Inventori Individu dan Rekod Pelajar; 2) Perkhidmatan Pemberian Maklumat; 3) Perkhdimatan Bimbingan Kelompok; 4) Perkhdimatan Kaunseling; 5) Perkhidmatan Penempatan; 6) Perkhidmatan Pendidikan Pencegahan Dadah; 7) Perkhidmatan Konsultasi dan Rujukan; 8) Perkhidmatan Konferen dengan Ibu Bapa; 9) Perkhidmatan Penyelarasan Resos; dan 10) Perkhidmatan Penilaian.

Yang sering menjadi persoalan berterusan ialah bagaimanakah tahap pencapaian bidang perkhidmatan ini di sekolah menengah? Inilah yang mendorong pengkaji mengambil inisiatif untuk menilai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah di Semenanjung Malaysia.

Setakat ini belum ada kajian komprehensif yang menilai semula sama ada preskripsi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan yang dianggap sebagai satu-satunya Panduan Perkhidmatan kepada guru-guru Kaunseling telah difahami di sekolah-sekolah. Jika ianya telah difahami oleh masyarakat sekolah adakah ianya diterima dan dilaksanakan? Jika ianya dilaksanakan di sekolah, persoalannya ialah adakah ianya berkesan? Masyarakat di sekolah pula adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan misalnya pentadbir sekolah, kaunselor, guru biasa dan pelajar sekolah. Sehubungan dengan wujudnya beberapa kumpulan ini, persoalan yang timbul ialah adakah terdapat perbezaan pandangan antara kumpulan-kumpulan ini mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling? Persoalan seterusnya yang merupakan persoalan akhir dalam kajian ini ialah apakah keutamaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling mengikut kumpulan responden?

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji status dan keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah di Semenanjung Malayaia. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

1. Menilai status dan keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.
2. Mengenalpasti perbezaan pandangan antara kumpulan responden (pengetua, kaunselor, guru biasa dan pelajar) mengenai perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.
3. Meneroka pandangan responden yang terdiri daripada pelbagai kumpulan mengenai keutamaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah di Semenanjung Malaysia.

METOD KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Reka bentuk kajian deskriptif yang digunakan sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan asas mengenai status dan keberkesanan sepuluh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Kajian deskriptif adalah sejenis kajian yang bermatlamatkan untuk menerangkan keadaan semasa sesuatu fenomena yang sedang berlaku, mendapatkan penjelasan dengan sempurna serta meneroka bidang yang belum dikaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Menurut Ary *et al.* (1990) kajian deskriptif adalah bertujuan untuk menentukan keadaan sebenar yang berlaku semasa sesuatu kajian itu dijalankan.

Tempat Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri yang terlibat dalam kajian ialah Kedah (mewakili zon utara), Terengganu (mewakili zon timur), Wilayah Persekutuan (mewakili zon tengah), dan Melaka (mewakili zon selatan). Negeri-negeri ini telah dipilih secara rawak mudah berasaskan zon masing-masing. Menggunakan pendekatan ini, semua negeri di Semananjung Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Subjek Kajian

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada empat kumpulan iaitu pengetua, kaunselor, guru biasa, dan para pelajar di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Semenanjung Malaysia. Subjek kajian telah dipilih secara rawak daripada kalangan populasi menggunakan persampelan rawak berkelompok dengan mengambilkira zon kawasan yang telah dikenalpasti. Menurut Ary *et al.* (1990) suatu sampel yang baik mestilah mempunyai dua kriteria iaitu perwakilan dan kecukupan. Perwakilan membawa pengertian bahawa sampel yang dipilih mestilah mewakili populasi kajian. Kecukupan pula membawa pengertian bahawa bilangan sampel yang digunakan adalah mencukupi untuk membuat kesimpulan dan generalisasi yang meyakinkan. Untuk mendapatkan jumlah bilangan sampel minimum yang digunakan dalam kajian ini formula yang dikemukakan oleh Yamane (1967) dan Krejcie & Morgan (dlm. Isaac & Micheal 1984) telah digunakan. Dengan mengambilkira formula penentuan saiz sampel ini, saiz sampel yang digunakan untuk kajian ini ialah seramai 2807 orang yang terdiri daripada 107 orang pengetua, 88 orang kaunselor, 628 orang guru biasa dan 1984 orang pelajar sekolah.

Alat Kajian

Kajian ini menggunakan empat set soal selidik iaitu soal selidik untuk pengetua, kaunselor, guru biasa dan para pelajar. Setiap set soal selidik ini mengandungi 4 bahagian yang sama iaitu: 1) biodata responden; 2) pengetahuan dan pengalaman responden; 3) penilaian perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan 4) keutamaan perkhidmatan

bimbingan dan kaunseling. Soal selidik ini telah direka bentuk sendiri oleh kumpulan penyelidik berasaskan kepada persoalan dan tujuan kajian serta telah dikaji kesesuaiannya melalui kajian rintis yang telah dijalankan.

Hipotesis Kajian

Selain bertujuan untuk menjawab persoalan mengenai status dan keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah di Semenanjung Malaysia, kajian ini juga ingin mengenalpasti sekiranya terdapat perbezaan pandangan antara kumpulan responden yang dikaji. Untuk tujuan tersebut hipotesis-hipotesis berikut telah dikemukakan:

H_1 Wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi pengetahuan pentadbir sekolah, kaunselor, guru biasa dan para pelajar mengenai 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

H_2 Wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi kefahaman pentadbir sekolah, kaunselor, guru biasa dan para pelajar mengenai 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

H_3 Wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi penerimaan pentadbir sekolah, kaunselor, guru biasa dan para pelajar mengenai 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

H_4 Wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi pandangan pentadbir sekolah, kaunselor, guru-guru biasa dan para pelajar terhadap pelaksanaan 10 perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

H_5 Wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi pandangan pengetua sekolah, kaunselor, guru-guru biasa dan para pelajar mengenai keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Penganalisisan Data Statistik

Alat statistik yang telah digunakan dalam kajian ini ialah statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan serta statistik inferensi seperti ujian-t dan *analysis of variance* (ANOVA). Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat deskriptif mengenai status dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta pandangan responden mengenai keutamaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Sementara Ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai perbezaan pandangan mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut kumpulan responden. Untuk menudahkan analisis data statistik dan menjamin ketepatan pengiraan, perisian *The Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) (Norusis 1988) telah digunakan. Antara sub-program SPSS yang digunakan dalam kajian ini termasuklah sub-program *frequency, t-test* dan ANOVA.

KEPUTUSAN KAJIAN

Pengetahuan dan Pengalaman Responden

Kajian ini mendapati perbezaan min dan peratusan yang nyata daripada segi pengetahuan dan pengalaman responden mengenai perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (B&K). Keputusan kajian menunjukkan bahawa 96.6 peratus (2705) responden pernah

mendengar tentang perkhidmatan B&K dan 92.7 peratus (2557) responden (N=2813) pula tahu peranan perkhidmatan tersebut. Namun begitu hanya 32.4 peratus responden yang benar-benar pernah menggunakan perkhidmatan itu (rujuk Jadual 1). Keputusan mengenai pengetahuan dan pengalaman responden mengikut pecahan adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 1

Pengetahuan dan pengalaman responden berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Bil.	Respons	Ya		Tidak	
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
1.	Pernah mendengar perkhidmatan B&K	2705	96.6	94	3.4
2.	Sedar adanya perkhidmatan B&K	2643	95.9	114	4.1
3.	Tahu peranan perkhidmatan B&K	2557	92.9	201	7.3
4.	Pernah berkunjung ke bilik kaunseling	1597	58.1	1154	41.9
5.	Pernah menerima perkhidmatan kaunseling	890	32.4	1856	67.6

JADUAL 2

Pengetahuan dan pengalaman responden dalam kekerapan dan peratusan berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Bil.	Respons	Pengetua		Kaunselor		Guru Biasa		Pelajar	
		f	%	f	%	f	%	f	%
1.	Pernah mendengar perkhidmatan B&K	107	100.0	88	100.0	613	98.2	1891	95.8
2.	Sedar adanya perkhidmatan B&K	107	100.0	88	100.0	617	99.2	1825	94.4
3.	Tahu peranan perkhidmatan B&K	105	98.1	88	100.0	601	96.6	1757	90.8
4.	Pernah berkunjung ke bilik kaunseling	106	98.1	88	100.0	483	78.0	918	47.5
5.	Pernah menerima perkhidmatan kaunseling	96	90.6	72	88.9	286	46.3	431	22.3

Penilaian Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Berkaitan dengan tahap pengetahuan dan penerimaan responden mengenai perkhidmatan B&K pula, didapati min pengetua adalah tertinggi iaitu 58.04 bagi aspek pengetahuan dan 61.24 bagi aspek penerimaan pada skala 0 hingga 70 mendahului yang lain-lain (sila rujuk Jadual 3).

Golongan pelajar ialah kumpulan yang memberi penilaian paling rendah. Walau bagaimanapun, bagi aspek kefahaman, pelaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, responden daripada golongan kaunselor memberi penilaian yang paling tinggi. Golongan pelajar secara konsisten memberi penilaian yang paling rendah terhadap perkhidmatan ini, kecuali dalam aspek pelaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan yang mana penilaian pelajar adalah lebih tinggi berbanding dengan penilaian guru biasa (sila rujuk Jadual 3).

JADUAL 3

Min dan sisihan piawai mengenai tahap pengetahuan, penerimaan, kefahaman, perlaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Bil.	Responden	Pengetahuan		Kefahaman		Penerimaan		Pelaksanaan		Keberkesanan	
		M	SP	M	SP	M	SP	M	SP	M	SP
1.	Pengetua	58.0	8.4	58.9	10.3	61.2	8.3	51.6	9.5	49.2	10.0
2.	Kaunselor	55.8	13.4	52.0	13.8	59.0	10.2	52.3	10.1	51.3	10.1
3.	Guru Biasa	42.4	11.2	38.5	11.6	51.8	12.9	43.5	11.5	41.9	12.4
4.	Pelajar	38.3	11.4	37.1	11.9	51.2	14.0	44.1	12.7	43.2	12.4
5.	Keseluruhan	40.5	12.2	38.5	12.4	52.0	13.2	44.5	12.4	43.4	12.0

Perbezaan Pandangan Mengenai Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Hipotesis H_1 hingga H_5 dikemukakan bertujuan untuk menentukan sama ada wujud perbezaan daripada segi pengetahuan, kefahaman, penerimaan, pelaksanaan dan keberkesanan 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling antara pengetua, kaunselor, guru biasa dan pelajar.

Hipotesis H_1 menyatakan wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi pengetahuan pentadbir sekolah, kaunselor, guru-guru biasa dan para pelajar mengetahui 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Analisis varian (sila rujuk Jadual 4) daripada segi pandangan keempat-empat golongan responden terhadap pengetahuan mereka mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan [F (3, 2717) = 161.36, p <.05]. Dapatan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan tahap pengetahuan yang besar antara kumpulan responden terutamanya antara golongan pengetua dan kaunselor dengan golongan pelajar (min pengetua 58.04 dan min kaunselor 55.74 berbanding pelajar 38.33 pada skala 0 hingga 70).

Hipotesis H_2 pula menyatakan wujud perbezaan min yang signifikan daripada segi kefahaman pentadbir sekolah, kaunselor, guru-guru biasa dan para pelajar mengetahui 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Keputusan yang diperolehi ialah $[F\ (3,\ 2707) = 89.78,\ p< .05\ ]$ menunjukkan wujudnya perbezaan min yang signifikan daripada segi kefahaman pentadbir sekolah, kaunselor, guru-guru biasa dan para pelajar mengetahui 10 fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Min kefahaman untuk pengetua ialah 51.93, kaunselor ialah 52.04, guru biasa ialah 38.52 dan pelajar ialah 38.45. Untuk hipotesis H_3 hingga hipotesis H_5, corak keputusan yang sama juga telah diperolehi daripada segi pandangan responden terhadap aspek penerimaan, pelaksanaan dan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (sila rujuk Jadual 4).

JADUAL 4

Keputusan ujian ANOVA sehala untuk melihat perbezaan persepsi responden mengenai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

Bidang	Sumber	dk	JKD	MKD	*F*	*p*
Pengetahuan	Antara Kumpulan	3	61616.94	920539.98	161.36	.000*
	Dalam Kumpulan	2717	345837.14	127.29		
	Jumlah	2720	407454.08			
Kefahaman	Antara Kumpulan	3	376668.39	12556.13	89.78	.000*
	Dalam Kumpulan	2707	378578.98	139.85		
	Jumlah	2710	416247.37			
Penerimaan	Antara Kumpulan	3	14291.77	4763.92	26.38	.000*
	Dalam Kumpulan	2717	490574.23	180.56		
	Jumlah	2720	504865.99			
Pelaksanaan	Antara Kumpulan	3	11353.35	37684.45	25.25	.000*
	Dalam Kumpulan	2683	402121.08	149.88		
	Jumlah	2686	413474.43			
Keberkesanan	Antara Kumpulan	3	10238.05	3412.68	24.14	.000*
	Dalam Kumpulan	2703	382048.73	141.34		
	Jumlah	2706	392286.78			

Nota: * **Signifikan pada aras keertian .05**

Kenyataan bahawa pengaruh perbezaan pandangan pengetua dengan pelajar adalah kuat terhadap hasil analisis ANOVA antara kumpulan dapat dibuktikan oleh hasil analisis

ujian-t (sila rujuk Jadual 5) yang mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pandangan pengetua dan kaunselor dalam semua aspek perkhidmatan. Keputusan yang telah diperolehi ialah: Pengetahuan [t (183) = 1.42, $p > .05$]; Kefahaman [t (185) = -.06, $p > .05$]; Penerimaan [t (190) =1.71, $p >.05$]; Pelaksanaan [t (186) = -.51, $p > .05$]; dan Keberkesanan [t (187) = -1.39, $p > .05$]. Keputusan yang diperolehi ini adalah dengan menggunakan ujian-t, dua sampel tak bersandar, jenis dua hujung dengan *ak* .05.

JADUAL 5

Keputusan analisis ujian-*t* mengenai perbezaan pandangan pengetua dan kaunselor

Aspek	Responden	N	Min	SP	dk	*t*	*p*
Pengetahuan	Pengetua	100	58.04	8.41	183	1.42	.157
	Kaunselor	85	55.74	13.38			
Kefahaman	Pengetua	100	51.93	10.30	183	-.06	.953
	Kaunselor	85	52.03	13.80			
Penerimaan	Pengetua	100	61.24	8.27	183	1.71	.089
	Kaunselor	85	58.95	10.23			
Pelaksanaan	Pengetua	100	51.61	9.54	183	-.51	.610
	Kaunselor	85	52.34	10.67			
Keberkesanan	Pengetua	100	49.22	9.98	183	-1.39	.167
	Kaunselor	85	51.25	10.06			

Nota: **Tidak signifikan pada aras keertian .05**

JADUAL 6

Keputusan analisis ujian-*t* mengenai perbezaan pandangan guru biasa dengan pelajar

Aspek	Responden	N	Min	SP	dk	t	p
Pengetahuan	Guru Biasa	614	42.34	11.15	2534	7.66	.000*
	Pelajar	1922	38.33	11.35			
Kefahaman	Guru Biasa	614	38.52	11.63	2534	2.56	.010*
	Pelajar	1922	37.11	11.83			
Penerimaan	Guru Biasa	614	51.81	12.85	2534	.89	.375
	Pelajar	1922	51.24	13.96			
Pelaksanaan	Guru Biasa	614	43.49	11.49	2534	-1.05	.295
	Pelajar	1922	44.11	12.68			
Keberkesanan	Guru Biasa	614	41.89	10.61	2534	-2.36	.019*
	Pelajar	1922	43.22	12.42			

Nota: * Signifikan pada aras keertian .05

JADUAL 7

Keputusan analisis ujian-t mengenai perbezaan pandangan kaunselor dan pelajar

Aspek	Responden	N	Min	SP	dk	t	p
Pengetahuan	Kaunselor	85	55.74	13.38	2005	13.72	.000*
	Pelajar	1922	38.33	11.35			
Kefahaman	Kaunselor	85	52.03	13.80	2005	11.26	.000*
	Pelajar	1922	37.11	11.87			
Penerimaan	Kaunselor	85	58.95	10.23	2005	5.09	.000*
	Pelajar	1922	51.24	13.96			
Pelaksanaan	Kaunselor	85	52.34	10.67	2005	5.97	.000*
	Pelajar	1922	44.10	12.68			
Keberkesanan	Kaunselor	85	51.25	10.05	2005	5.94	.000*
	Pelajar	1922	43.22	12.42			

Nota: * Signifikan pada aras keertian .05

Keutamaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik juga dianalisis untuk melihat keutamaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menurut pandangan responden. Komputasi pangkatan adalah berdasarkan kepada keutamaan pertama hingga keutamaan ketiga yang diberikan oleh responden.

Jadual 8 menunjukkan senarai keutamaan jenis perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang harus disediakan di sekolah-sekolah mengikut pandangan responden secara keseluruhan. Perkhidmatan kaunseling secara konsisten mendapat tempat pertama, sama ada ia di peringkat bersendirian sebagai pangkatan pertama mahupun secara gabungan pilihan pertama, kedua, dan ketiga. Empat perkhidmatan yang mendapat tempat tertinggi ialah perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan inventori individu dan rekod, perkhidmatan mengumpul dan menyebar maklumat dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kelompok.

Susunan empat perkhidmatan utama yang dipilih ini nampaknya menyamai dengan susunan yang terkandung di dalam Buku Panduan Perkhidmatan Kaunseling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Dapatan ini menarik daripada segi sama ada ia ditemui secara kebetulan, atau pihak di Kementerian Pendidikan yang menyediakan Buku Panduan itu dahulunya sememangnya telah memikirkan demikian, pangkatan bagi jenis perkhidmatan kelima dan seterusnya sebagai senarai keutamaan adalah berlainan sama sekali dengan senarai yang disediakan oleh pihak KPM. Perkhidmatan konferens dengan ibu bapa dan perkhidmatan penilaian yang diletakkan terkebelakang di dalam senarai Kementerian Pendidikan mendapat respon yang lebih baik daripada subjek kajian ini.

JADUAL 8
Pangkatan keutamaan perkhidmatan mengikut pandangan responden
secara keseluruhan

Perkhidmatan	Jumlah Kekerapan			
	Pangkatan	Kedudukan	Pangkatan (1+2+3)	Kedudukan
Khidmat kaunseling	1160	1	1797	1
Inventori individu dan rekod	476	2	1067	4
Mengumpul dan menyebar maklumat	226	3	1130	3
Bimbingan dan kaunseling kelompok	193	4	1269	2
Mencegah penyalahgunaan dadah	184	5	698	5
Konferens dengan ibubapa	127	6	652	6
Penilaian	73	7	436	7
Penempatan	67	8	313	8
Konsultasi dan rujukan	25	9	305	9
Penyelarasan resos	18	10	114	10

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa perkhidmatan kaunseling dalam institusi pendidikan telah diterima tanpa banyak keraguan lagi. Memandangkan kajian ini adalah kajian yang menggunakan persampelan (hampir 3,000 responden telah terlibat) bagi populasi semua sekolah di Malaysia, maka dapatan ini dapat dianggap mewakili semua kumpulan penting di dalam institusi sekolah iaitu pelajar, pengetua sekolah selaku pentadbir, guru biasa dan kaunselor selaku penggerak dan pelaksana perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Lebih 95 peratus responden yang dikaji pernah mendengar dan sedar akan adanya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Lebih daripada 90 peratus pula tahu tentang peranan yang dimainkan oleh perkhidmatan ini. Peratus yang mengunjungi perkhidmatan kaunseling (32.4 peratus) mungkin kelihatan rendah jika ia dilihat semata-mata sebagai peratusan, tetapi apabila difikirkan bahawa kaunseling di Malaysia masih membawa konotasi melayan orang yang bermasalah maka 32.4 peratus itu adalah amat besar. Kesimpulan ini dibuat dengan mengambilkira bahawa responden bukan dipilih daripada kalangan mereka yang bermasalah.

Oleh itu satu cadangan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi khidmat bimbingan dan kaunseling ialah untuk mendidik masyarakat, terutamanya komuniti sekolah, bahawa terdapat perkhidmatan untuk mereka yang tidak mempunyai apa-apa masalah yang khusus tetapi berminat untuk mendalami kefahaman tentang diri sendiri dan sedia memperkembangan potensi serta sumber-sumber dalam diri.

Daripada aspek pemilihan perkhidmatan, dapatan kajian memperkukuhkan lagi kenyataan bahawa perkhidmatan kaunseling adalah sesuatu yang utama. Ini adalah satu justifikasi yang kuat bagi kewujudan perkhidmatan kaunseling bagi setiap sekolah di negara ini. Kos, kewangan dan tenaga yang diperuntukkan oleh negara untuk perkhidmatan ini nampaknya sejajar dengan kehendak dan pandangan anggota kamuniti sekolah. Masyarakat sekolah nampaknya tidak begitu terpengaruh dengan kebanyakan media massa yang menyiarkan berita-berita masalah semasa masyarakat seperti dadah dan sebagainya yang menuntut supaya perkhidmatan pemulihan diutamakan. Sebaliknya, anggota masyarakat sekolah tetap berpegang kepada keperluan perkhidmatan kaunseling yang lebih menekankan aspek perkembangan.

Isu kerjaya dan pekerjaan, walaupun dilihat sebagai penting oleh kebanyakan pihak, tetapi ia tidak mendapat tempat yang utama dalam senarai keutamaan perkhidamatan. Kepentingan kaunseling di sekolah nampaknya tidak diragui lagi oleh anggota komuniti sekolah, walaupun melalui pemerhatian dan perbualan para kaunselor masih belum berfungsi sebagai kaunselor sepenuh masa dalam erti kata yang sebenar. Masih ramai kaunselor yang dibebankan dengan beban pengajaran dan pentadbiran serta isu remeh temeh seperti menghadiri mesyuarat yang terlalu kerap sehingga mereka ketiadaan masa untuk melaksanakan perkhidmatan yang sepatutnya. Walaupun jawatan kaunselor sepenuh masa telah diwujudkan namun peranan yang mereka mainkan kerapkali menyimpang. Adakah mungkin bilangan anggota komuniti sekolah yang mendapat khidmat kaunseling yang didapati oleh kajian ini (kira-kira 30 peratus) akan meningkat ke satu angka yang lebih tinggi? Ini kekal sebagai andaian atau hipotesis sehingga hal ini dapat dilaksanakan sepenuhnya.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini membawa implikasi bahawa walaupun kaunseling sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan dan praktis di Malaysia adalah relatif baharu berbanding dengan apa yang terdapat di Barat, terutamanya di Amerika, tetapi pengetahuan anggota masyarakat sekolah mengenainya sudah melebar. Dapatan kajian ini yang menunjukkan responden memberi pangkatan paling utama kepada perkhidmatan kaunseling individu atau peribadi adalah sama sahaja dengan keutamaan yang diberi di Barat. Dapatan kajian Cole dan rakan-rakan (1980), yang mendapati 94.4 kaunselor yang dikajinya terlibat dengan kaunseling peribadi adalah menyamai dengan kehendak anggota komuniti sekolah-sekolah yang dikaji oleh penyelidikan ini. Namun demikian kajian ini telah tidak mempastikan penglibatan kaunselor yang sebenar tentang banyak masa yang mereka habiskan untuk membuat kaunseling individu.

Daripada perbualan dengan pihak pengetua semasa kajian dijalankan, para penyelidik juga telah menerima maklum balas tentang pengharapan mereka supaya para kaunselor lebih banyak menumpukan khidmat kaunseling di sekolah sendiri. Ada pendapat yang mengatakan ramai kaunselor yang terlalu aktif dengcan kegiatan jabatan pendidikan daerah, negeri dan kebangsaan sehingga kurang tumpuan terhadap memberi khidmat kaunseling di sekolah mereka sendiri. Pandangan ini wajar mendapat perhatian dan penelitian atau kajian yang lebih mendalam mengenainya wajar dijalankan.

Dapatan yang menunjukkan perbezaan peratusan yang besar antara yang mengetahui dan memahami apakah itu perkhidmatan kaunseling dengan mereka yang mengunjungi dan pernah menerima perkhidmatan kaunseling telah menimbulkan beberapa persoalan yang memerlukan jawapan. Kajian ini mendapati bilangan pengunjung dan yang pernah menerima khidmat kaunseling adalah agak rendah. Adakah jika mereka telah pernah mengunjungi khidmat kaunseling sekali, maka mereka akan terus berkunjung dan mendapat perkhidmatan ini? Soalan ini juga tidak dapat dijawab oleh kajian ini.

Poppin dan Peters (1965), telah mendapati bahawa ramai klien yang tidak menyangka bahawa kaunseling itu memberi faedah kepada mereka dan mereka tidak menyangka bahawa kaunselor mampu untuk memahami diri mereka. Atau, adakah kumpulan sasar perkhidmatan kaunseling di sekolah Malaysia, walaupun mengakui tahu akan peranan perkhidmatan kaunseling, masih ragu dan kurang yakin terhadap kaunselor dengan menyamakan mereka dengan pentadbir lain di sekolah seperti yang pernah ditunjukkan oleh dapatan kajian Wiggin dan Moody (1987)? Ini adalah antara beberapa persoalan ilmiah yang memerlukan jawapan melalui kajian-kajian lanjutan. Kajian ini dapat menyediakan asas untuk bertolak bagi kajian-kajian yang lebih mendalam dan terfokus kepada satu-satu isu yang lebih khusus.

Oleh kerana kajian ini mempunyai tujuan utama iaitu untuk melihat sejauhmana perkhidmatan yang disenaraikan oleh Buku Panduan Perkhidmatan Kaunseling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1991 (Semakan 1993) dilaksanakan, jawapan mengenainya telah diperolehi.

Senarai keutamaan perkhidmatan yang dikehendaki oleh responden untuk beberapa jenis perkhidmatan menyamai senarai yang terkandung dalam buku itu. Empat perkhidmatan yang paling utama mengikut kajian ini adalah menyamai senarai buku itu. Ini bermakna kehendak pembuat dasar di Kementerian Pendidikan adalah menyamai kehendak `grass-root' yang berada di sekolah. Dapatan ini menggambarkan bahawa pembuat dasar, pelaksana dan penerima perkhidmatan adalah saling faham-memahami antara satu sama lain.

Pihak berkuasa di Kementerian Pendidikan wajar berbangga kerana arahan mereka seperti yang terkandung dalam surat Pekeliling Ikhtisas (Bil 1/1979: 27 Januari, 1977) adalah sejajar dengan kehendak anggota komuniti sekolah. Arahan itu dengan jelas meminta supaya kaunselor di sekolah tidak membuat aktiviti panduan kerjaya sahaja. Responden kajian ini juga nyata tidak meletakkan kegiatan panduan kerjaya sebagai perkhidamatan yang mereka utamakan. Sebaliknya kaunseling individu mendapat tempat utama. Oleh kerana kehendak pembuat dasar dan kehendak komuniti sekolah

adalah sama, maka para kaunselor hendaklah memberi perhatian utama terhadap perkhidmatan kaunseling individu.

Jika kaunselor hanya menjalankan aktiviti bermusim atau terlalu banyak terlibat dengan aktiviti pentadbiran, perundingan atau pengembangan di luar sekolah, besar kemungkinan kaunselor seperti ini akan dilihat oleh anggota lain di sekolah sebagai tidak memahami aspirasi mereka terhadap perkhidmatan ini. Ertinya, adalah menjadi harapan komuniti sekolah supaya setiap hari mesti menjalankan sesi kaunseling peribadi. Para kaunselor pula tentu akan menuntut supaya pihak sekolah memberikan masa yang mencukupi untuk mereka melaksanakan khidmatan kaunseling individu.   Beban pengajaran hendaklah berpatutan untuk menggalakkan mereka melaksanakan khidmat ini.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa kaunselor di sekolah-sekolah di Malaysia beruntung kerana para pengetua telah memberikan sokongan yang sangat kuat terhadap kaunselor.   Dalam aspek perkhidmatan tertentu, sikap pengetua lebih positif berbanding dengan kaunselor sendiri. Pendapat kaunselor dan pendapat pengetua berada dalam satu kumpulan manakala pelajar dan guru biasa berada dalam satu kumpulan pula. Ini membawa implikasi bahawa kaunselor mendapat sokongan daripada autoriti di sekolah. Peluang ini wajar dimanfaatkan oleh para kaunselor untuk memperkembangkan perkhidmatan kaunseling dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk kumpulan sasar mereka.

CADANGAN-CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, analisis dan perbincangan yang telah diutarakan dalam kajian ini cadangan-cadangan berikut dikemukakan:

1. Memandangkan kehendak pembuat dasar dan pandangan responden mengenai khidmat kaunseling yang perlu diutamakan adalah sama, iaitu perkhidmatan kaunseling individu, rekod dan kaunseling kelompok, maka sudah sampai

masanya dipertimbangkan supaya diwujudkan kaunselor merangkap psikologis sekolah sepenuh masa sebagai satu perjawatan rasmi.

2.	Memandangkan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai jenis perkhidmatan yang harus disediakan di sekolah menyamai aspirasi komuniti sekolah, maka wajar sekali khidmat penyeliaan dan penasihatan dibuat oleh jabatan yang bertanggungjawab mengenai kaunseling supaya setiap sekolah dapat menyediakan dan melaksanakan semua perkhidmatan yang tersenarai dalam buku panduan itu.

3.	Untuk melebarkan lagi kefahaman mengenai perkhidmatan kaunseling di sekolah, kursus-kursus pendedahan yang sememangnya telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) wajar diteruskan dengan lebih agresif supaya guru-guru biasa juga akan jelas tentang apa peranan mereka untuk turut menjayakan perkhidmatan kaunseling yang matlamat terakhirnya ialah untuk perkembangan dan pertumbuhan potensi setiap individu pelajar di sekolah.

4.	Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaunselor hendaklah menumpukan tenaga ke arah mengutamakan khidmat kaunseling individu. Aktiviti-aktiviti bermusim seperti pameran, lawatan, ceramah boleh diteruskan tetapi tidak sampai mengganggu usaha memberikan khidmat kaunseling individu. Jika kaunselor itu boleh dilihat sebagai telah terpesong daripada aspirasi masyarakat sekolah.

5.	Walaupun Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Buku Panduan Perkhidmatan Kaunseling, tetapi latihan bagaimana untuk menggunakan dan melaksanakannya tidak pernah diberikan kepada guru-guru selain daripada kaunselor. Latihan kepada kaunselor juga bergantung kepada kurikulum institusi pengajian yang melatih mereka. Oleh itu adalah wajar latihan dan bimbingan mengenai penggunaan buku panduan itu diberikan secara berterusan dan menyeluruh. Pengetua dan kaunselor yang telah lama berkhidmat boleh dijadikan tenaga pengajar untuk memberikan latihan ini.

6.   Peratus yang pernah mendapat khidmat kaunseling mengikut dapatan kajian ini adalah agak tinggi (32.4 peratus), jika kaunseling itu ditafsirkan sebagai perkhidmatan untuk mereka yang bermasalah. Kajian ini tidak dapat mengenal pasti kebenaran kenyataan ini. Oleh itu adalah disyorkan supaya kajian lanjutan mengenai hal ini dijalankan.

7.   Dapatan kajian ini telah menyediakan pengetahuan asas mengenai jenis-jenis perkhidmatan kaunseling yang perlu disediakan di sekolah. Namun demikian kajian ini menetapkan supaya responden hanya menilai jenis perkhidmatan yang tersenarai dalam buku panduan sahaja. Oleh itu kajian ini tidak mengkaji atau meninjau perkhidmatan-perkhidmatan lain yang mungkin dikehendaki oleh komuniti sekolah tetapi mereka tidak berpeluang menyatakannya. Untuk tujuan ini, satu kajian etnografi yang meneliti keperluan kumpulan sasar secara kualitatif adalah perlu.

8.   Kajian ini tidak dapat mempastikan pandangan-pandangan responden daripada segi aspek bangsa, kelayakan akademik responden, jantina, lama berkhidmat bagi guru biasa, pengetua, kaunselor jenis kelompok pelajar dan latar belakang bandar atau luar bandar responden. Oleh itu kajian lanjutan mengenai pemboleh-pembolehubah ini dirasakan perlu.

BIBLIOGRAFI

Borders, L.D., Fong-Beyette, M.L., & Cron, E.A. 1988. In-session cognitions of a counseling student-A case-study. *Counselor Education and Supervision*, **28**: 59-70.

Bouchard, M.A., & Guerette, L. 1991. Psychoteraphy as a hermeneutical experience. *Psychoteraphy*, 28: 385-394.

Brass, K.U., & Kopalam 1993. Graduate school training in psychoteraphy : Its impact upon the development of professional identity. *Psychoteraphy*, 30: 685-691.

Carkhuff, R.R. 1969. *Helping and human relation*. New York : Holt,Rivehaire & Winston.

Cormier, L.S. 1990. Systematic training of graduate level counselors: A reaction. *The Counseling Psychologist*, **18**: 446-454.

Cormier, W.H., & Cormier L.S. 1991. *Interviening strategic for helpers* . (3rd Edition). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.

Council For Accerditationing Counseling and Relived educational Progress (CACREP). 1988. *Accreditation Procedures Manual and Applications*. Alexandria : Virginia.
Dies, R.R. 1980. Current practice in the training of group psychotherapists, *International Journal of Group Psychotheraphy*, **30**: 169-185.

Delucia, J.L., Bowman, U.E., & Browman, R.L. 1989. The us
e of parallee process in supervision and system counseling to facilitate counselor and client growth. *Journal for Specialist in Group Work*, **14**: 232-238.

Duncan, A., & Brown, B.M. 1996. Anxiety and development of conceptual complexity in group counselors-in-training. *Journal for Specialist in Group Work*, **21**: 252-263.

Egan, G. 1994b. *The skilled helper*. (5th Edition). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.

Egan, G. 1994a. *Exercise on helping skills*. (5th Edition). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.

Granello, D.H.S., & Hazler R.J. 1998. A developmental rational for curiculum order and teaching style in counselor education program. *Counselor Education and Supervision*, **38**: 89-106.

Harvey, O.J., Hunt, D.E., & Schroder, H.M. 1961. *Conceptual systems and personality organizations*. New York : Wiley.

Hens, A.J., & Shank, G.D. 1995. The role of abduction topic in understanding and using advanced empathy. *Counselor Education and Supervision*, **34**:199-212.

Hunt, D.E., Butler, L.E., Noy J.E., & Rosser, M.E. 1978. *Assessing conceptual level by the paragraph completion method*. (Informal series 3). Toronto: The Oriantrio Institute for studies in Education.

Howard, K.J., & Orlinsy, P.E. 1986. Process and outcome. In Garfield, S.L. & Berguin, A.E. (eds); *Handbook of psychotheraphy and behaviour change* (3rd Edition: 311-381). New York: Wiley.

Kagan, N. 1997. *Influencing human interaction-eleven years with IPR*. (ERIC Document Reproduction Service No ED (86918).

Kreish, J.S., Ham, M.D., Wiggers, T.T., & Feldstein, J.C. 1991. Model for menial health counselor development beyond graduate school. *Journal of Mental Health Counseling*, **13**: 305-314.

Lafferty, P., Burtler, L.E., & Crago, M. 1991. Differences between more or less effective psychotherguists : A study of select theroguist variables. *Journal Of Counseling and Clinical Psychology,* **57**: 76-80.

May, R. 1986. *The art of counseling*. (Revised Edition). New York: Gardener.

Martini, D.G. 1983. *Counseling and theraphy skills.* Prospects heights, IL: Waveland.

Patterson, L.E., & Eisenberg, S. 1983. *The counseling process.* (3rd Edition). Boston MA: Honkton Mifflin.

Salvendy, S.T. 1980. Group psychotheraphy training; A quest for standards. *Canadian Journal of Psychiatry*, **25**: 394-402.

Skovkolt,T.M., & Ronnestad, M.H. 1992. Themes in therapist and counselor development. *Journal of Counseling and Development*, **70**: 505-575.

Steward, D.W. 1995. Develop menial considerations in counseling graduate students. *Guidance and Counseling*, **10**: 21-23.

Stockton, R., & Toth, P.L. 1996. Teaching group counselors. Recommendation for maximising pre-service instruction. *Journal For Specialist in Group Work*, **21**: 274-283.

Stoltenberg, C. 1981. Approaching supervision for a developmental perspective: the counselor complex: by model. *Journal of Counseling Psychology*, **28**: 59-65.

Stoltenberg, C.D., & Delworth U. 1987. *Supervising counselors and therapists*. San Francisco: Jessey-Bass.

Wiggins, J.D., & Caroll, M.R. 1993. Back to the basics : Perceived and actual needs of group leaders. *The Journal for Specialist in Group Work*, **18**: 24-28.

Yalom, I.D. 1995. *The theory and practice of group psychotheraphy.* (4th Edition). New
York: Basie Books.

.

Kembali ke kandungan

Sidang Editor
Jurnal Penyelidikan Pendidikan BPPDP 2005

Jilid 7   **Disember 2005**

Dari Meja Penasihat Sidang Editor

Saya mengucapkan syabas kepada Unit Penyelidikan Dasar, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah sekali lagi berjaya menerbitkan Jurnal Penyelidikan Pendidikan jilid ketujuh bagi tahun 2005. Setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang menyumbangkan artikel untuk dimuatkan dalam jurnal terbitan kali ini. Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga jua saya ucapkan kepada sidang editor atas kegigihan menerbitkan jurnal ini. Usaha murni ini wajar diteruskan agar dapatan dan penemuan baru penyelidikan pendidikan dapat disebarluaskan.

Adalah diharapkan agar penerbitan kali ini yang memaparkan dapatan penyelidikan mengenai pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kurikulum, pedagogi dan psikologi pendidikan, perkaitan antara kemiskinan dan pendidikan serta penilaian program pendidikan akan dapat dimanfaatkan secara optimum oleh warga pendidik di negara ini dan masyarakat seluruhnya.

Kesedaran tentang kepentingan penyelidikan pendidikan dan amalan membudayakan penyelidikan dalam konteks penggubalan dasar serta sebagai wahana penyelesaian masalah pendidikan perlu menjadi paksi pemikiran setiap pengurus dan warga pendidik. Ini adalah penting dan selaras dengan usaha untuk mempertingkatkan mutu dan mencapai kecemerlangan pendidikan negara.

Besarlah harapan saya agar lebih ramai lagi pendidik dan penyelidik dari pelbagai institusi pendidikan di Malaysia dapat menyumbang hasil-hasil kajian mereka bagi penerbitan jilid yang seterusnya. Ini akan dapat menjadikan jurnal ini sebagai satu medan perkongsian dan penyebaran pengetahuan serta pengalaman dalam bidang penyelidikan pendidikan demi memperkasakan lagi amalan pendidikan di negara ini.

DATO' DR. AZMI BIN ZAKARIA

Dari Meja Ketua Editor

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah dapat menerbitkan Jurnal Penyelidikan Pendidikan jilid ketujuh bagi tahun 2005. Ini bermakna tugas untuk memartabatkan kecemerlangan pendidikan melalui aktiviti penyelidikan telah diteruskan.

Sebanyak sembilan artikel yang menyentuh pelbagai dimensi pendidikan telah dipilih untuk diketengahkan dalam terbitan jilid ketujuh ini. Ia terdiri daripada Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum di Politeknik, Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantukan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemiskinan dan Pendidikan : Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik, *Force of Circumstances Choice of Teaching Methods : Teacher-centered or Student-centered, Perceptions of Accounting Academicians Towards the Issue of Information Technology Integration Into the Accounting Curriculum,* Kebolehpercayaan Modul Program Maju Diri (PMD) Jabatan Pelajaran Selangor, *Coping Stress and Sports Performance Among School Athletes in Kuala Langat District, Selangor, Evaluating the KPLI Physical Education Programme* dan Status dan Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia.

Semoga semua hasil penyelidikan pendidikan yang dimuatkan dalam terbitan ini dapat dimanfaatkan bersama oleh semua warga pendidik dan masyarakat ke arah mewujudkan sistem pendidikan yang mantap dan cemerlang.

Terima kasih.